

**KAJIAN MENGENAI IMPLIKASI PENYELENGGARAAN KEPADA
PEMELIHARAAN GUA GUNUNG SENYUM TEMERLOH PAHANG**

ZAILATUL ROZAIMIRUL BIN ZAKARIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

KELANTAN

2021



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN MENGENAI IMPLIKASI PENYELENGGARAAN KEPADA
PEMELIHARAAN GUA GUNUNG SENYUM TEMERLOH PAHANG**

DISEDIAKAN OLEH:

ZAILATUL ROZAIMIRUL BIN ZAKARIA

C18A0463

Laporan Projek Akhir ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur kepada Allah SWT dengan segala limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan sebagai sebahagian daripada keperluan kursus Ijazah Sarjana Pengajian Warisan dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan.

Dalam menghasilkan projek penyelidikan ini, saya akui banyak dugaan dan juga cabaran yang terpaksa diharungi berikutan dengan keadaan yang tidak menentu tambahan pula dengan keadaan negara yang dilanda wabak covid-19 pada masa kini. Oleh itu, saya terpaksa menggunakan pelbagai alternatif seperti merujuk kepada sumber internet, artikel lepas dan sebagainya. Disamping itu, saya juga turut menggunakan platform yang sedia ada seperti Google Meet untuk melakukan sesi temu bual bersama beberapa responden yang telah dipilih dalam projek penyelidikan ini bagi memudahkan dalam pengumpulan maklumat. Oleh itu, kekurangan dan kelemahan yang berlaku semasa penghasilan projek penyelidikan ini tidak mengurangkan rasa hormat dan terima kasih pengkaji kepada semua pihak yang sedia membantu dan mendorong dalam menghasilkan projek penyelidikan ini.

Kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada penyelia bagi penyelidikan ini iaitu Ts. Dr. Mukhtaruddin bin Musa kerana sentiasa memberi nasihat, dorongan dan bimbingan kepada saya bagi menjayakan penghasilan tesis ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada ibu dan ahli keluarga saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dalam segala hal yang dilakukan dalam menuju puncak kejayaan yang gemilang. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak memberi dorongan serta pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengenai Implikasi Penyelenggaraan Kepada Pemuliharaan Gua Gunung Senyum di Temerloh Pahang. Gunung Senyum ini merupakan salah satu warisan alam semula jadi dan merupakan Hutan Lipur dan juga taman rekreasi bagi masyarakat. Terdapat beberapa objektif kajian yang digunakan di dalam penyelidikan ini seperti mengenalpasti kelebihan dan keunikan Gua Gunung Senyum dengan terperinci, mengenalpasti keadaan infrastruktur di kawasan Gua Gunung Senyum kekal terjaga dan mengenalpasti implikasi penyelenggaraan yang sistematik terhadap pemeliharaan Gua Gunung Senyum. Semasa menjalankan penyelidikan ini terdapat reka bentuk kajian yang telah digunakan sebagai panduan iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengumpulan data bagi penyelidikan ini adalah data primer dan data skunder dimana data primer melalui temu bual, pemerhatian dan soal selidik seramai 100 orang responden manakala data skunder melalui sumber internet, perpustakaan, artikel atau rencana dan teori sosiologi. Analisa data dilakukan secara menyeluruh sesuai dengan pengumpulan data yang diperolehi daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif. Akhir sekali, penyelidikan ini dapat memberi sedikit sebanyak manfaat kepada individu, masyarakat, pendidikan dan juga negara.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This research is on the Implications of Maintenance on the Nutrition of Gunung Senyum Cave in Temerloh Pahang. Gunung Senyum is one of the natural heritages and is an Amusement Forest and also a recreational park for the community. The objectives of the study used in this research are to identify the advantages and uniqueness of Gunung Senyum Cave in detail, identify the state of infrastructure in the Gunung Senyum Cave area remains awake and identify the implications of systematic maintenance on the maintenance of Gunung Senyum Cave. During the conduct of this effort there is a study design that has been used to guide the use of qualitative and quantitative methods. Data collection for this study is primary data and secondary data of each primary data through interviews, observations and questionnaires of 100 respondents using secondary data through internet sources, libraries, articles or articles and sociological theories. Data analysis was performed comprehensively in accordance with the data collection obtained using qualitative and quantitative methods. Finally, this study can provide some benefits to individuals, society, education and even the country.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.7.1 Individu	6
1.7.2 Masyarakat	7
1.7.3 Pendidikan	7
1.7.4 Negara	8
1.8 Struktur Thesis	8
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	

2.1 Pengenalan	9
2.2 Kawasan Ekopelancongan	10
2.3 Gua Sebagai Warisan Alam Semula Jadi	11
2.4 Pemuliharaan Kawasan Rekreasi	12
2.4.1 Pemuliharaan Infrastruktur	13
2.5 Kepentingan Pemuliharaan Infrastruktur	14
2.6 Impak Ekopelancongan Kepada Alam Semula Jadi	15
2.7 Gua Gunung Senyum	22
2.8 Kerangka Teori	23
2.9 Kesimpulan	23
BAB 3 METODOLOGI	ii
3.1 Pengenalan	24
3.2 Rekabentuk Kajian	25
3.2.1 Kaedah Kualitatif	25
3.2.2 Kaedah Kuantitatif	25
3.2.3 Kaedah Campuran	25
3.2.4 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian	26
3.3 Pengumpulan Data	26
3.3.1 Data Primer	27
3.3.2 Data Skunder	29
3.4 Persampelan	31
3.5 Instrumen	31
3.5.1 Temubual	32

3.6 Analisis Data	34
3.7 Kesimpulan	34
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	36
4.2 Sejarah Gunung Senyum, Temerloh, Pahang	37
4.3 Latar Belakang Gunung Senyum di Temerloh, Pahang	45
4.4 Ciri-Ciri Gunung Senyum, Temerloh, Pahang	46
4.5 Kelebihan dan Keunikan Gunung Senyum	52
4.6 Keadaan Infrastruktur di Kawasan Gunung Senyum	58
4.7 Implikasi Penyelenggaraan yang Sistemik Terhadap Pemeliharaan Gunung Senyum	63
4.8 Faktor Kemudahan Infrastruktur Tiada Penyelenggaraan	64
4.9 Penutup	65
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	66
5.2 Perbincangan Dalam Dapatan Kajian	69
5.3 Kesimpulan	70
5.4 Cadangan	72
5.5 Penutup	73
RUJUKAN	77

SENARAI JADUAL

NO	MUKA SURAT
4.3 Salasilah Keluarga Almarhum Sultan Ahmad	42

SENARAI RAJAH

NO	MUKA SURAT
1.2 Peta Gunung Senyum, Temerloh (68km dari bandar Temerloh).	3
3.3.1 Peta minda kaedah kajian yang digunakan	29
4.3 Gunung Senyum di Temerloh, Pahang.	37
4.3 Sultan Pahang Moden I	40
4.5 Gua Makam Tok Long	48
4.5 Gua Ular	48
4.6 Kerosakan ke atas Kemudahan Infrastruktur.	56
4.6 Kemudahan Asrama dan Chalet.	58
4.6 Kemudahan Jambatan Gantung.	58
4.6 Rumah Tradisional Pahang.	58

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan secara khusus mengenai kajian yang akan dijalankan. Bab ini juga menjelaskan beberapa bahagian yang terdiri daripada bahagian pendahuluan, latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan diakhiri dengan kepentingan kajian terhadap semua lapisan pembaca.

1.2 Latar Belakang Kajian


Negara Malaysia dikenali dengan pelbagai keindahan dan keunikan yang tersendiri seperti keindahan pulau-pulau, keunikan muzium-muzium dan sebagainya. Tidak terkecuali juga bagi negara Malaysia yang kini terkenal dengan kecantikan dan keunikan seperti gua-gua sebagai pusat tarikan pelancong di dalam negara Malaysia mahupun di luar negara. Seperti mana yang diketahui, gua-gua memiliki keunikan dan sejarahnya yang tersendiri antaranya ialah gua yang terletak di Gunung Senyum. Gunung Senyum terletak di dalam daerah Kuala Krau, Pahang. Disamping itu, turut ada yang mengatakan Gunung Senyum ini terletak di Felda Jengka 25, Jengka, Pahang dan ianya mempunyai ketinggian 486-meter iaitu (1,594 kaki). Menjadikan Gunung Senyum ini lebih menarik ialah dimana puncak gunung telah dijadikan sebagai pusat origin koordinat bagi negeri Pahang dengan mengukur

bahawa ia terletak di tengah-tengah negeri Pahang oleh pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM).

Gunung Senyum mempunyai asal usul sejarahnya yang tersendiri bahkan lagenda dan juga mitos yang telah dibahaskan dari dahulu kala lagi. Sejarah awal mengenai Gunung Senyum ini bermula dari Sultan Pahang iaitu Sultan Ahmad melalui peristiwa dimana beliau memudik dengan menaiki sampan bersama pengiringnya di sungai Pahang. Pada saat itu, Beliau telah melihat sebuah gunung yang menarik perhatiannya dan sekaligus bertanyakan kepada pengiringnya mengenai kewujudan gunung tersebut tetapi pengiringnya hanya tersenyum seperti kerang busuk. Disebabkan oleh gelagat pengiring yang mencuit hatinya maka dengan berseloroh Sultan Ahmad menamakan gunung tersebut sebagai Gunung Senyum. Sehingga kini, Gunung Senyum ini dikenali sebagai hutan lipur yang telah menarik minat masyarakat malah terdapat kajian oleh para arkeologi yang menjalankan kajian di hutan lipur tersebut mengesahkan kewujudannya melalui bukti dan kesan sejarah kehidupan manusia dari zaman Mesolitik lagi. Selain itu, tidak lupa juga akan keindahan dari flora dan fauna serta tumbuhan herba yang penuh dengan nilai perubatan di Gunung Senyum ini.

Gunung Senyum ini menjadi tempat yang terkenal sehingga kini dengan kewujudan gua-gua yang penuh dengan keunikan dan menarik. Antara gua yang dapat diperkatakan di sini adalah Gua Terang Bulan, Gua Kelam, Gua Jebak Puyuh dan banyak lagi. Selain itu, terdapat juga gua yang sering menjadi tumpuan bagi para pelancong antaranya ialah, Gua Tapa, Gua Gudang Kelawar, Gua kolam Tujuh, Gua Kambing, Gua Gajah, Gua Batu Merlap, Gua Silat, Gua Danau Impian

dan Gua Gong. Diperkatakan gua-gua ini secara alaminya mengalami proses pertumbuhan stalagtit dan stalagmait. Disamping itu, tidak lupa juga akan gua yang terkenal dengan mitos seramnya iaitu Gua Mayat, Gua Rangkak, Gua Ular dan Gua Sisik. Gua-gua ini telah menjadi pilihan bagi paranormal yang ingin melihat sejauh mana mitos seram menenai gua tersebut. (Zubir Mohd Yunus, September 20, 2015).



Peta 1.1: Peta Gunung Senyum, Temerloh (68km dari bandar Temerloh).

(Sumber: Google Map, 2021).

1.3 Permasalahan Kajian

Berikutan era globalisasi yang semakin meningkat maju dalam negara Malaysia, kini pusat pelancongan seperti Gunung Senyum yang wujud dari alam semula jadi kurang dipandang serius oleh pihak berkuasa atau pihak tidak berkuasa (NGO). Disebabkan oleh sikap yang sedemikian, infrastruktur yang

terdapat di Gunung Senyum semakin rosak sehingga menyebabkan pelancong tidak lagi tertarik dan terus mengunjungi tempat sebegini. Setiap pusat pelancongan yang ada seharusnya diselua oleh pihak bertanggungjawab yang telah ditugaskan untuk menjaga setiap kemudahan bagi para pelancong.

Disebabkan oleh sikap sesetengah pihak yang kurang mengambil berat akan infrastruktur di kawasan Gunung Senyum ini, maka telah timbul beberapa kerosakan serta kemusnahan yang menyebabkan ia tidak lagi dikunjungi. Antara kerosakan yang berlaku seperti jalan untuk menaiki ke kawasan gua-gua dalam keadaan yang kurang memuaskan sehingga menimbulkan bahaya akan keselamatan para pelancong yang berkunjung. Untuk pengetahuan semua, setiap jalan yang menuju ke kawasan gua-gua mempunyai sebuah tangga yang mempunyai pemegang disisi kanan dan kiri untuk keselamatan pelancong. Dahulunya kemudahan seperti ini masih dalam keadaan baik tetapi sebaliknya yang berlaku pada masa kini ianya kurang dipantau sehingga menyebabkan kerosakan malahan tidak lagi boleh digunakan. Laluannya agak mencabar kerana perlu melalui laluan bertangga memandangkan struktur jambatan yang menghubungkan laluan ke pintu gua agak rapuh dan dirasakan tidak selamat untuk dilalui. (Muhamad Asyraf Md Arip, Februari 1, 2019).

1.4 Persoalan Kajian

Pengkaji telah menyatakan beberapa persoalan kajian berpandukan kepada tajuk kajian yang dipilih:

- i) Apakah kelebihan dan keunikan Gua Gunung Senyum?

- ii) Bagaimanakah keadaan infrastruktur di kawasan Gua Gunung Senyum?
- iii) Bagaimanakah implikasi penyelenggaraan kepada pemeliharaan Gua Gunung Senyum?

1.5 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan di Gunung Senyum ini meneliti tiga perkara seperti berikut:

- i) Mengenalpasti kelebihan dan keunikan Gua Gunung Senyum dengan terperinci.
- ii) Mengenalpasti keadaan infrastruktur di kawasan Gua Gunung Senyum kekal terjaga.
- iii) Mengenalpasti implikasi penyelenggaraan yang sistematik terhadap pemeliharaan Gua Gunung Senyum.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian di dalam penyelidikan ini menjerumus kepada penjagaan infrastruktur yang terdapat di kawasan Gunung Senyum yang kurang diambil berat oleh pihak berkuasa atau pihak tidak berkuasa (NGO). Skop kajian yang mengfokuskan kepada penjagaan infrastuktur untuk menyedarkan pihak berkuasa atau pihak tidak berkuasa (NGO) supaya mengambil serius dalam soal penjagaan kawasan pusat pelancongan bagi mengelakkan permasalahan tidak lagi timbul. Selain itu, dapat mengembalikan ekosistem Gunung Senyum yang dahulunya

terkenal dengan keindahan dan keunikan alam semula jadi. Skop kajian pengkaji adalah di sekitar Temerloh. Pengkaji juga memfokuskan kajian berdasarkan skop kajian:

- i) Mengenai keunikan di Gua Gunung Senyum.
- ii) Mengenai penjagaan infrastruktur di kawasan Gua Gunung Senyum.
- iii) Mengenai implikasi penyelenggaraan kepada pemeliharaan Gua Gunung Senyum.

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat menjadi rujukan kepada individu, masyarakat, pendidikan dan negara.

1.7.1 Individu

Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada individu. Dengan adanya kajian berkaitan penjagaan infrastruktur maka dengan secara tidak langsung dapat menaikkan semangat individu yang cinta akan alam semula jadi. Begitu juga kepada individu yang menyukai aktiviti pendakian juga turut bisa merasai keseronokan mendaki di Gunung Senyum. Keunikan yang ada di Gunung Senyum memang tidak dapat digambarkan kecuali kita merasai sendiri dengan mendaki gunung ini. (Rosliwati Rosedi, Februari 23, 2021).

1.7.2 Masyarakat

Membuka penglihatan kepada masyarakat terhadap kelebihan dan keunikan

alam semula jadi yang terdapat di Gunung Senyum adalah penting. Keunikan alam semula jadi perlu dijaga dengan baik agar generasi akan datang dapat menikmati dan menyaksikan sendiri betapa indahnya warisan semula jadi yang terdapat di negara Malaysia. Pengunjung dapat meneroka keunikan 25 gua batu kapur yang unik seperti Gua Terang Bulan, Gua, Gua Jebak Puyuh, Gua Tapa dan Gua Ular. (Rosliwati Rosedi. Februari 23, 2021).

1.7.3 Pendidikan

Kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan bagi pelajar serta penyelidik untuk mengetahui dengan lebih banyak mengenai Gua Gunung Senyum. Terdapat banyak maklumat mengenai keunikan dan keindahan flora dan fauna yang dapat diselidiki oleh para penyelidik dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, keunikan tumbuhan dan binatang yang hidup di kawasan Gunung Senyum. Berpeluang melihat pelbagai jenis serangga dan sejeni cacing yang hidup berkumpul di celah batu yang tidak terdapat di kawasan lain. (Rosliwati Rosedi. Februari 23, 2021).

1.7.4 Negara

Gunung-gunung yang terdapat di negara Malaysia semestinya mempunyai nilai warisannya yang tersendiri. Dalam usaha negara untuk menaikkan sektor pelancongan alam semula jadi haruslah diberi pujian. Sebagai contoh, Gunung Mulu di Sarawak yang menjadi salah satu daripada destinasi pelancongan yang terkenal di Malaysia, khususnya di Sarawak. Disamping itu, ia merupakan salah satu

kawasan batu kapur yang paling diselidik di dunia. (Miss Backpacker, November 12, 2016).

1.8 Struktur Tesis

Kajian penyelidikan ini berkenaan dengan Gua Gunung Senyum di Temerloh. Dalam bab ini menerangkan kelebihan dan keunikan Gunung Senyum, implikasi penyelenggaraan kepada pemuliharaan Gua Gunung Senyum dan penjagaan infrastruktur di kawasan Gunung Senyum. Manakala objektif kajian adalah dengan meneliti keunikan Gua Gunung Senyum, implikasi penyelenggaraan yang berkesan dan penjagaan infrastruktur yang sistematik di kawasan Gua Gunung Senyum. Kajian ini penting kerana dapat menambahkan ilmu pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat dalam memartabatkan warisan negara.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Di dalam bab ini menjelaskan mengenai beberapa kajian lepas. Dimana sorotan ini merupakan sumber maklumat dan juga ulasan lepas yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu melalui penulisan ilmiah serta bahan rujukan seperti jurnal, buku, surat khabar, video, majalah dan laporan. Ulasan kajian ini adalah sangat penting dalam membantu pengkaji bagi dijadikan sebagai panduan serta bukti rujukan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Bahan bacaan dan rujukan dalam penyelidikan ini diperolehi daripada sumber internet antaranya artikel dan jurnal yang digunakan untuk membantu kajian ini. Bab ini juga merupakan pernyataan yang menyokong sesuatu objektif dalam sesebuah kajian.

2.2 Kawasan Ekopelancongan

Secara umum, operasi perkataan merujuk kepada pelaksanaan fungsi yang sepatutnya seseorang atau mesin itu melakukan untuk melaksanakan tugas, aktiviti atau pekerjaan dengan memuaskan. Operasi pada dasarnya adalah satu proses yang dijalankan atau dilaksanakan dalam sesuatu atau bidang seperti kerja misalnya, supaya dapat menjalankan tugas-tugas yang dibuat dan dipikirkan. Merujuk pada

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, penubuhan kawasan ekopelancongan memberi impak kepada masyarakat dan juga negara. Sebagai contoh, menyediakan kemudahan kepada para pengunjung untuk beriadah dan berehat di kawasan hutan yang membolehkan para pengunjung melakukan aktiviti rekreasi, berkelah serta menikmati keindahan alam semula jadi, menyediakan tempat yang bersesuaian untuk sesi pembelajaran, pendidikan dan penyelidikan mengenai alam semula jadi dan meningkatkan pembangunan dan taraf sosioekonomi penduduk tempatan dengan menjadikan kawasan ekopelancongan sebagai salah satu destinasi pilihan untuk pelancong dalam dan luar negara.

2.3 Gua Sebagai Warisan Alam Semula Jadi

Warisan diterangkan dengan pelbagai definisi. Definisi warisan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2007) adalah merupakan sebagai satu perkara yang telah diterima secara turun-temurun semenjak zaman dahulu lagi dengan berdasarkan oleh seseorang ataupun terlibat dengan kelompok masyarakat yang berasal daripada generasi yang terdahulu. Hal ini membawa maksud bahawa setiap perlakuan dan juga kreativiti-kreativiti yang dimiliki dan harus diterima oleh semua golongan masyarakat walaupun tanpa mengenali secara mendalam mengenai generasi terdahulu. Di samping itu, menurut Mohd Yusoff pada tahun 2011 warisan juga merupakan salah satu antara peninggalan yang sangat bersejarah daripada nenek moyang kepada generasi pada masa akan datang dengan perkara atau benda yang terhasil sama ada melalui buatan tangan, secara pemikiran serta falsafah dan juga kreativiti yang tersendiri. Ini jelas menunjukkan

warisan adalah merupakan satu gambaran yang tentang kehidupan masyarakat terdahulu dalam meneruskan kehidupan serta melakukan perubahan berdasarkan kepada keadaan atau situasi serta cabaran-cabaran di dalam kehidupan.

Warisan budaya telah dianggap sebagai satu artifak yang dinamakan sebagai peninggalan yang bersifat secara fizikal dan berciri secara tidak ketara bagi di dalam kelompok-kelompok masyarakat yang telah mewarisi sejak zaman terdahulu lagi dari golongan generasi yang terdahulu, peninggalan warisan ini juga telah dikekalkan sehingga masa kini serta dijaga dan dipelihara bagi kepentingan untuk generasi akan datang. Setiap warisan yang dikemukakan ini adalah termasuk dengan warisan semula jadi yang disertakan dengan ciri-ciri muka bumi dan juga biodiversity yang menjadi satu kepentingan antara contohnya adalah seperti gunung, tasik dan sebagainya. Bagi pendapat Lickorish dan Jenkins (1999) menjelaskan bahawa alam sekitar membawa maksud kepada persekitaran secara fizikal dengan dirangkumi oleh beberapa komponen yang terjadi secara semulajadi dan juga buatan. Hal ini juga menjelaskan persekitaran semula jadi ini merujuk kepada alam sekitar yang wujud secara semulajadi yang terdapat di sekeliling kita dan ianya disertakan dengan cuaca dan suhu, jenis-jenis air, tanah dan topografi, serta flora dan fauna dan sebagainya. Justeru itu, menurut Mohammad Zaki Ahmad dan Johan Afendi Ibrahim (2008) menyatakan antara faktor-faktor di dalam sosiobudaya dan ekonomi juga turut terlibat di dalam analisis tentang persekitaran komprehensif.

2.4 Pemuliharaan Kawasan Rekreasi

Pemuliharaan bermaksud untuk melakukan proses dalam mengembalikan hal-hal yang berkaitan dengan harta warisan kepada asal untuk kegunaan dengan melalui proses pembaikan atau perubahan ke arah yang lebih baik untuk memastikan penggunaan dari semasa ke semasa lebih efisien dan dalam masa yang sama untuk memelihara bahagian-bahagian dan bentuk harta-harta yang satu kepentingan di dalam bidang seni bina yang mempunyai sejarah. Hal ini adalah dijelaskan oleh Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Selain itu, pemuliharaan juga mempunyai maksud adalah untuk mencegah satu kerugian ataupun pembaziran ianya harus digunakan dengan cara yang betul dan berhati-hati (R Roddin, Y Yusof, ML Mukhtar, 2019). Di dalam erti lain pemuliharaan bukan sahaja untuk memelihara sumber-sumber daripada belaku kerosakkan atau eksploitasi tetapi ia juga bertujuan untuk menggunakannya secara optimum. Definisi ini menggambarkan bahawa pemuliharaan mempunyai konsep yang berbeza dan lebih luas berbanding dengan pemeliharaan. Oleh hal yang sedemikian, pemuliharaan telah ditakrifkan sebagai satu pendekatan dengan pengurusan sumber alam semula jadi yang mempunyai tujuan untuk mencapai setiap sumber alam yang bersifat kekal atau berterusan dengan impak-impak alam sekitar yang minimum. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dari segi pendekatan, akan tetapi tujuan utamanya masih sama adalah untuk mencapai kesenangan dan juga manfaat yang berterusan (Rogoniel, 2013).

2.4.1 Pemuliharaan Infrastruktur

Infrastruktur merupakan aspek penting dalam meneruskan legasi Gunung Senyum sebagai Hutan Lipur dan juga sebagai pusat pelancongan. Seperti mana yang diketahui, gua-gua dan juga gunung merupakan warisan alam semula jadi yang tidak dapat diperbaharui untuk masa hadapan. Oleh itu, penjagaan akan kawasan sebegini amatlah memainkan peranan yang penting bagi mengekalkan warisan sejarahnya. Beberapa permasalahan dalam soal infrastruktur telah berlaku terhadap Gunung Senyum. Hal ini berpunca daripada sikap tidak mengambil berat akan kemudahan infrastruktur yang telah disediakan di kawasan gunung. Selain itu, aktiviti vandalisme juga turut memberi kesan negatif. Gangguan ini berupa tabiat buruk oleh segelintir individu yang tidak bertanggungjawab merosakkan pelbagai kemudahan yang telah disediakan (Mohd Shafeea Leman, Che Aziz Ali & Ibrahim Komoo, 2007). Oleh itu, permasalahan ini harus ditangani oleh pihak yang bertanggungjawab akan kawasan Hutan Lipur Gunung Senyum tersebut. Selain itu, kemudahan infrastruktur juga seharusnya dipulihara bagi mengekalkan Hutan Lipur Gunung Senyum menjadi kawasan pelancongan.

2.5 Kepentingan Pemuliharaan Infrastruktur

Infrastruktur adalah istilah arkitek, jurutera dan perancang bandar yang digunakan untuk menerangkan kemudahan, perkhidmatan dan struktur organisasi untuk kegunaan bersama yang paling lazimnya oleh penduduk bandar dan luar bandar. Definisi infrastruktur adalah:

“Rangka kerja rangkain dan sistem yang saling bergantung yang terdiri daripada industri, institusi (termasuk orang dan prosuder) yang

... dapat dikenalpasti dan kemampuan pengedaran yang menyediakan aliran produk dan perkhidmatan yang boleh dipercayai untuk keselamatan pertahanan dan ekonomi Amerika Syarikat, kelancaran fungsi kerajaan di semua peringkat dan masyarakat secara keseluruhan”

(Laporan Suruhanjaya Presiden mengenai Perlindungan Infrastruktur Kritikal, 1997)

Memulihara infrastruktur di kawasan Hutan Lipur Gunung Senyum merupakan satu bentuk cadangan yang bijak agar kelestarian warisan dapat diterokai oleh masyarakat. Selain itu, ia juga penting terhadap ekonomi negara dengan kehadiran pengunjung dari luar negara yang tertarik dengan keindahan dan keunikan Gunung Senyum. Dari situ dapat dilihat bahawa ia merupakan sumber penjana ekonomi dan sejurus itu dapat dikekalkan warisannya sepanjang zaman.

2.6 Impak Ekopelancongan Kepada Alam Semula Jadi

Alam semula jadi merangkumi segala jirim bukan hidup yang berada secara semula jadi di bumi. Dalam Pengertian yang paling tulen, ia adalah persekitaran yang tanpa kegiatan manusia. Lawannya perkataan “alam semulajadi” ialah “persekitaran terbina” (Alam Sekitar Dunia, 2016). Namun begitu, terdapat kesulitan terhadap istilah “alam semulajadi” kerana kebanyakan persekitaran semula jadi mempunyai pengaruh manusia pada satu masa atau lain,

baik secara langsung atau tidak. Oleh itu, untuk mengatasi masalah tersebut sedikit sebanyak pengaruh manusia diizinkan tanpa menyebabkan sesuatu landskap dikecualikan daripada status “semula jadi”. Selain itu, istilah “ekosistem” telah digunakan untuk menggambarkan persekitaran yang mengandungi alam semula jadi, termasuknya manusia. Hal ini kerana, masalah persekitaran adalah masalah manusia atau sosial. Antara contoh alam semula jadi adalah seperti hutan. Hutan merupakan satu sumber semula jadi yang memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan masyarakat dan kemajuan sosioekonomi sesebuah negeri (Lim, 1991). Dapat dilihat disini bahawa kawasan-kawasan hutan yang mempunyai ciri-ciri istimewa dan keindahan semula jadi juga boleh dijadikan sebagai kawasan rekreasi dan pelancongan yang menarik dan popular (Hall, 2003; Hammit, 1998). Kebaikan daripada kewujudan aktiviti ekopelancongan boleh digunakan untuk melindungi alam semula jadi, hidupan liar dan pelbagai jenis sepsis di hutan. Di samping itu, dapat membantu penduduk tempatan menjadi sebuah masyarakat yang bertamadun dan berpendidikan dengan menyedari akan kepentingan memelihara sumber yang ada di hutan semula jadi. Selain itu, potensi ekopelancongan boleh memberi motivasi kepada penambahan penempatan kawasan semula jadi untuk tujuan pemuliharaan dan perlindungan pada masa akan datang seperti di kawasan ekopelancongan Gua Gunung Senyum di Temerloh, Pahang (Nor Hizami Hassin, 2019).

2.7 Gua Gunung Senyum

Gua Gunung Senyum boleh diambil sebagai contoh sumber alam semula jadi yang mempunyai ciri-ciri istimewa dan keindahan semula jadi serta ia merupakan kawasan rekreasi dan pelancongan yang menarik. Gunung Senyum adalah sebuah gunung yang dikenali dengan gua batu kapur berusia Perm-Tris. Selain itu, batu kapur yang terdapat di Gunung Senyum terdiri daripada batu kapur yang berstruktur tebal hingga berstruktur masif dan mempunyai warna yang berlainan. Dalam mengenalpasti jenis dan kedudukan fitur-fitur yang ada, 12 buah gua telah dipetakan. Beberapa fitur landskap yang menarik telah dikenalpasti dan boleh dimajukan untuk tarikan pelancongan. Menurut kajian daripada Hamzah Zakaria, Kamal Roslan Mohamed & Che Aziz Ali, 2006, antaranya stalagmit berbentuk buah konifer yang mungkin mempunyai persamaan dengan Palm Trunk stalagmite yang jarang terdapat di gua-gua batu kapur di Malaysia. Stalagmit yang unik ini dan dolina-dolina yang berasosiasi dengannya telah dicadangkan sebagai monumen geologi bagi Negeri Pahang. Keadaan landskap, gua dan jalan-jalan rintisan di sekeliling kawasan dan ke Gunung Jebak Puyuh berpotensi untuk aktiviti sukan tahan lasah, trecking rimba dan riadah. Berdasarkan kajian arkeologi, hutan lipur di sini dikatakan menyimpan sejarah kehidupan manusia Zaman Mesolitik. Selain itu, terdapat juga banyak flora atau tumbuhan herba di Gunung Senyum yang mempunyai nilai perubatan. Bagaimanapun, masih ramai yang belum mengetahui kisah sebenar di sebalik kewujudan Gunung Senyum yang mempunyai lebih 18 gua batu kapur dengan pelbagai nama unik dan klasik (Zubir Mohd Yunus, 2015).

Beberapa kajian lepas telah dirujuk oleh pengkaji untuk mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai penyelidikan yang sedang dijalankan oleh pengkaji iaitu implikasi penyelenggaraan kepada pemeliharaan gua gunung senyum.

Antaranya ialah kajian daripada (M Abdul Jabar, 2011) mengenai produk ekopelancongan negeri Pahang. Objektif utama kajian ialah untuk mengenalpasti kepelbagaian dan kesesuaian kawasan tarikan ekopelancongan khususnya di Negeri Pahang. Kaedah bagi mencapai obektif pada peringkat awal ialah dengan meneliti maklumat sekunder yang didapati daripada buku, artikel, brosur, buku laporan agensi kerajaan antaranya seperti Perbadanan Bukit Fraser, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Pahang dan menyesuaikannya dengan konsep ekopelancongan. Hasil awal kajian mendapati bahawa kawasan ekopelancongan yang ditentukan oleh kerajaan negeri terhad dan hanya mengutamakan kawasan hutan dan air sahaja. Oleh itu, ekopelancongan seharusnya diperkembangkan dengan menyeluruh di serata negeri dalam Malaysia.

Selain itu, kajian daripada (Rosniza Aznie Che Rose, Zainor Nizam Zainal Abidin, Rosniza M.Z, 2018) mengenai kesedaran komuniti terhadap pengurusan kebersihan dalam kawasan perkampungan homestay di Daerah Temerloh. Kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti tahap kesedaran terhadap pengurusan kebersihan di kawasan perkampungan homestay di daerah Temerloh. Instrumen kajian yang digunakan adalah boring soal selidik dan temu bual bersama pengusaha homestay dan penduduk kampung. Kajian ini mendapati tahap kesedaran pengurusan kebersihan di kampung tersebut adalah berbeza. Kampung di daerah Temerloh mematuhi garis panduan pada tahap yang tinggi seperti yang ditetapkan

oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia terhadap beberapa aspek seperti kemudahan akses jalan raya, bebas dari pencemaran alam sekitar, persekitaran yang sesuai untuk memaparkan cara hidup orang Malaysia dan sebagainya. Dari kajian ini dapat diterapkan soal pengurusan kebersihan yang bagus dengan mengikut prosuder yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Seterusnya, kajian daripada (Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winami Samsir, Ahmad Nazrin Aris Anuar, 2013) mengenai pemerksaan aset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. Kajian ini mengfokuskan kepada memajukan aset semula jadi menjadi sumber pelancongan yang menarik di negeri Pahang. Meskipun ekopelancongan dan pelancongan alam semula jadi sudah berdekad lamanya berada dalam dimensi pelancongan, namun masih ada ruang dan kewajaran untuk memperkasakannya sekiranya aset ini dilihat secara lebih berkarakter, menawarkan pengalaman, penceritaan dan ilmu lokal yang dicari-cari oleh para pelancong masa kini. Makalah ini cuba memberikan senario aset semula jadi di negeri Pahang dan kawasan eko-budaya Tasik Chini-Pekan dalam usaha untuk mengenal pasti pendekatan dalam memperkasakan lagi aset semula jadi tersebut. Makalah ini juga turut mengemukakan cadangan bagaimana memperkasakan aset semula jadi bagi membolehkan pihak berkepentingan melakukan inisiatif secara kolaborasi iteratif antara komuniti dan Universiti. Dengan itu, aset semula jadi akan terus menjadi prasyarat utama perkembangan dan kelestarian pelancongan Negeri Pahang.

Kajian daripada (Nur Athirah Abdullah, Zeti Aktar Ayob, Nor Fatimah Ghozali & Nurul Wahida Kamaruddin, 2018) mengenai senarai semak awal serangga yang menduduki di Gua Gunung Senyum, Pahang Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti serangga diurnal yang terdapat di dalam gua. Objektif daripada kajian ini adalah untuk menghasilkan senarai awal serangga diurnal yang wujud di dalam Gua Gunung Senyum. Kaedah yang digunakan untuk mengumpulkan serangga adalah menggunakan perangkap lubang, perangkap lampu, perangkap lekatan dan perangkap langar jatuh. Daripada situ, sejumlah 2291 individu dari 6 order dan 21 famili berjaya dikumpulkan.

Kajian daripada (Zuliskandar Ramli, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Yunus Sauman & Adnan Jusoh, 2014) mengenai penyelidikan arkeometri di Negeri Pahang. Penyelidikan arkeometri di negeri Pahang telah dijalankan oleh Linehan pada tahun 1951 di mana beliau menyelidiki gendang gangsa yang ditemui di Sungai Tembeling dan Bukit Kuda. Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk melihat perkaitan antara gendang gangsa dan artifak besi yang dijumpai di sekitar Semenanjung Tanah Melayu. Selain itu, Dunn pada tahun 1966 telah menghasilkan pentarikhan tapak secara kronometrik di Gua Kechil manakala penggunaan pentarikhan *thermoluminescence* telah dijalankan ke atas tapak Kota Tongkat, Kota Gelanggi dan Gunung Senyum, Pahang.

Kajian daripada (Er Ah Choy, Nur Azlin Mohamad Awal, Mohad Fakhurulrazi Shamsudin, 2015) mengenai kesedaran awal terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi: Kes Taman Wetland, Putrajaya. Kajian ini memfokuskan dalam mentaksir kesedaran awam terhadap usaha dalam pemeliharaan

dan juga pemuliharaan alam semula jadi di sebuah tasik buatan manusia pertama dan terbesar di Malaysia iaitu Taman Wetland, Putrajaya. Kajian ini telah menggunakan dua jenis kaedah iaitu kuantitatif dan kualitatif dengan melalui 30 borang soal selidik dan dua temubual. Hasilnya, daripada kajian ini mendapati bahawa masih ramai yang tidak mengetahui fungsi sebenar Taman Wetland kepada sektor pembangunan.

Kajian daripada (Dina Syamilah Zaid, Hartini Adenan, Baharom Said, 2021) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan pengunjung di taman rekreasi: suatu kajian di Masjid Tanah, Melaka. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kepuasan pengunjung di Taman Rekreasi, Masjid Tanah, Melaka dan khususnya untuk mengenalpasti faktor pengurusan landskap, faktor kemudahan rekreasi dan faktor alam semulajadi yang mempengaruhi kepuasan pengunjung. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dengan melibatkan seramai 120 orang responden. Kajian ini merumuskan bahawa faktor-faktor tersebut memberi kesan kepada pengunjung dan mereka sedar bahawa faktor-faktor ini penting untuk dikekalkan dan dijaga untuk mengekalkan tahap kualiti kemudahan yang disediakan.

Kajian daripada (Abu Bakar Mohamed Salleh, 2017) mengenai inisiatif pelaksanaan komponen pengurusan fasiliti taman botani. Kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk mencapai dua objektif iaitu mengenalpasti komponen-komponen utama serta pelaksanaan pengurusan fasiliti taman botani dan yang kedua mengkaji cadangan pelaksanaan komponen-komponen pengurusan fasiliti bagi tujuan penambahbaikan di Taman Botani Johor. Kaedah digunakan adalah kajian

teoritikal, kajian kes dan temubual. Hasil daripada kajian ini mendapati pelaksanaan komponen-komponen dalam pengurusan fasiliti di Taman Botani Johor tidak mematuhi amalan piawaian.

Nor Aziah Bt Mohd Hanafiah di dalam kajiannya yang bertajuk Amalan Pengurusan Landskap Yang Efektif: Kajian Kes Projek Taman Rekreasi Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Perak pada tahun 2008. Kajiannya ini adalah merupakan berkaitan dengan pengurusan projek landskap di dalam bidang pentadbiran dan juga perancangan untuk membangunkan lagi projek-projek landskap yang ada. Dengan melalui beberapa kajian lepas telah mendapati bahawa pengurusan dan penyelenggaraan landskap di Malaysia masih lagi berada di tahap yang rendah. Oleh itu kajian ini untuk mengenalpasti antara isu dan juga masalah yang berlaku di dalam pengurusan landskap sekaligus untuk mengenalpasti cara pengurusan yang efektif dalam menguruskan projek dengan tahap kepuasan pengguna di taman rekreasi. Antara data-data yang diperolehi untuk melengkapi kajian ini adalah melalui kaedah pengamatan, temubual dan juga soal selidik ke atas pengguna taman rekreasi. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan dan penyelenggaraan projek landskap di taman rekreasi masih lagi berada di tahap yang sederhana.

Seterusnya, kajian daripada Rosniza Aznie CR, Nor Hasyifa A, Rosmiza MZ, Zaini S. Di dalam kajian mereka memfokuskan kepada tentang kajian yang berkaitan dengan Pengurusan Rekreasi Di Pusat Tumpuan Bandar Bukit Fraser pada tahun 2016. Kajian ini dihasilkan untuk mengetahui tentang potensi serta tarikan orang ramai terhadap Bukit Fraser dan sejauhmanakah tahap pengurusan

persekitaran dan kemudahan yang terdapat di situ. Seramai 70 orang responden telah dipilih di dalam kajian ini yang dipilih secara rawak untuk melakukan kaji selidik untuk memperolehi data untuk menganalisis kajian tentang pengurusan rekreasi di Bukit Fraser ini. Data yang diperolehi adalah memberikan impak yang positif dan ramai yang membuat kunjungan selalu oleh kerana suasana ekopelancongan dan pengurusan kawasan rekreasi ini memuaskan kerana ia kaya dengan alam semula jadi. Dari segi kemudahan asas pula terdapat beberapa yang harus ditambahbaik untuk memenuhi kepuasan pengguna untuk datang berkunjung ke Bukit Fraser.

2.8 Kerangka Teori

Kerangka teori adalah penyusunan anteseden, penyiataan sebelumnya dan pertimbangan teoritis yang menjadi asas projek penyelidikan, analisis, hipotesis atau eksperimen yang memungkinkan penafsiran hasil dan rumusan kesimpulan. Kerangka teori juga disebut kerangka acuan adalah sokongan teoritis, kontekstual atau hokum dari konsep yang digunakan untuk menimbulkan masalah dalam penyelidikan. Selain itu, teori adalah sebuah proses mengembangkan idea-idea yang membantu kita menjelaskan bagaimana dan mengapa suatu peristiwa terjadi (Jonathan H.Turner, 2017).

Teori sosiologi adalah salah satu kerangka yang boleh digunapakai untuk memikirkan perkara yang berlaku di sekeliling masyarakat. Istilah sosiologi pertama kali diperkenalkan pada tahun 1838 oleh Auguste Comte dalam bukunya yang berjudul *Cours De Philosophie Positive* (Fariza Ayuluqyana Putri, 2021).

Sebagai pencetus konsep sosiologi, Comte mendefinisikan sosiologi sebagai ilmu positif. Artinya sosiologi bekerja mempelajari gejala-gejala sosial dalam masyarakat berlandaskan pada logika rasional dan ilmiah. Teori fungsionalisme struktural merupakan teori dasar sosiologi dimana muncul dari sosok Emile Durkheim yang mengimajinasikan masyarakat sebagai suatu organisme yang tersusun dari berbagai komponen dan saling mempengaruhi untuk dapat terus berfungsi.

Dalam kajian penyelidikan ini, teori sosiologi digunakan oleh pengkaji dengan bersandarkan pada perspektif fungsional. Struktur sosial yang digunakan berperanan sebagai asbab dalam membantu masyarakat untuk saling bekerjasama dalam memulihara infrastruktur yang terdapat di Hutan Lipur Gunung Senyum. Ia juga mengfokuskan kepada kerjasama antara semua pihak dalam menangani masalah kerosakan infrastruktur daripada terus berpanjangan. Oleh itu, teori ini boleh digunapakai bagi mencapai objektif kajian pengkaji.

2.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam bab dua ini menerangkan mengenai takrifan istilah yang jelas dan padat. Malahan, pengkaji telah membuat ulasan lepas daripada pelbagai sumber yang sah bagi membantu mendapatkan maklumat dengan tepat. Oleh itu, pengkaji berharap bahawa maklumat yang dinyatakan dalam bab ini mudah difahami oleh pembaca. Pengkaji juga menerangkan tentang kerangka teori yang bersesuaian dengan objektif kajian. Justeru itu, pengkaji telah memilih teori sosiologi sebagai teori yang sesuai digunakan dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam pencarian maklumat yang berkaitan dengan Gua Gunung Senyum di Temerloh, Pahang, pengkaji mencari pelbagai kaedah mahupun cara dalam mendapatkan maklumat yang betul dan tepat agar mencapai penghasilan kajian yang boleh digunakan pada masa hadapan. Oleh itu, kaedah seperti kaedah penyelidikan merupakan perkara yang sangat penting dalam sesuatu penyelidikan kerana ia merupakan salah satu cara bagaimana untuk mendapatkan maklumat.

3.2 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan satu tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang terlibat dalam sesuatu kajian (Kerliner, 1970). Ia juga digunakan sebagai panduan bagi pengkaji dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran daripada hasil kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian juga dijadikan model agar membolehkan pengkaji dalam membuat kesimpulan berkenaan dengan pemboleh ubah yang dikaji

dalam penyelidikan. Reka bentuk kajian kebiasaannya dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu kaedah kualitatif, kaedah kuantitatif dan kaedah campuran.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif merupakan satu kajian penyelidikan di mana pengkaji bergantung kepada pandangan responden, menanyakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada responden, menjelaskan dan menganalisa perkataan-perkataan tersebut dalam bentuk tema-tema serta menjalankan inkuiri dalam bentuk subjektif.

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif merupakan satu kajian secara umumnya menggunakan analisis statistik, ia lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Merujuk kepada istilah “kuantiti” membawa erti berapa banyak atau bilangannya. Kuantiti merujuk kepada bilangan yang diskrit dan yang dinyatakan dengan tepat.

3.2.3 Kaedah Campuran

Kaedah campuran adalah penyelidikan di mana penyelidik menggunakan lebih daripada satu kaedah untuk mendapatkan hasil. Sebahagian besarnya, ini melibatkan perkembangan penyelidikan yang menggabungkan metodologi kuantitatif dengan kualitatif untuk memperoleh hasil yang lebih luas.

3.2.4 Kaedah Pilihan Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif adalah salah satu bentuk penyelidikan terhadap sesuatu situasi dan individu untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dan juga mendalam. Penyelidikan ini menerangkan mengenai proses, langkah dan sebab sesuatu perkara itu berlaku. Dalam penjanaan teori dan pengutipan data, menerusi kajian kualitatif lebih menggunakan kaedah kepustakaan, sumber internet, rujukan teks atau dokumen dan teori sosiologi bagi penjanaan teori. Penyelidikan kualitatif ini juga merupakan kajian secara induktif dimana pengkaji akan menghasilkan konsep dan teori untuk dinyatakan, dijelaskan dan diperkembangkan dengan terperinci.

3.3 Pengumpulan Data

Kaedah penyelidikan merupakan cara yang dilakukan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian seperti rujukan perpustakaan, sumber internet dan rujukan teks atau dokumen. Dalam bab ini menerangkan secara terperinci mengenai kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan yang dijalankan. Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji menggunakan kajian kualitatif iaitu sumber primer dan skunder.

3.3.1 Data Primer

Data primer adalah data yang diperoleh langsung oleh pengkaji di lapangan melalui responden dengan cara observasi, wawancara dan penyebaran angket. Sasaran data pada data primer iaitu data yang ditemukan langsung oleh pengkaji di lapangan. Menurut Hasan (2002; 82) data primer adalah data yang diperoleh atau dikumpulkan langsung di lapangan oleh orang yang melakukan penelitian atau bersangkutan yang memerlukannya. Data primer didapati dari sumber informan iaitu individu atau perseorangan seperti hasil wawancara yang dilakukan oleh peneliti. Pengumpulan data primer ini merupakan data asal yang diperoleh secara khususnya untuk menjawab persoalan di dalam kajian ini. Data primer juga merupakan data yang dikumpulkan sendiri oleh pengkaji untuk menguji hipotesis dalam penyelidikannya.


3.3.2 Data Skunder

Data skunder adalah salah satu sumber data penelitian yang didapati dengan cara tidak langsung iaitu melalui media perantara. Data skunder adalah data tambahan yang diperoleh bukan dari tangan pertama tetapi dari media lain. Menurut Hasan (2002; 58) data skunder adalah data yang diperoleh atau dikumpulkan oleh orang yang melakukan penelitian dari sumber-sumber yang telah wujud. Data ini digunakan untuk mendukung informasi primer yang telah diperoleh iaitu dari bahan pustaka, literatur, penelitian terdahulu, buku dan sebagainya.

Pada peringkat pertama dalam kajian ini, pengkaji mengfokuskan pada bahan-bahan rujukan seperti artikel atau rencana. Bahan-bahan ini didapati daripada

sumber internet menerusi pengkaji terdahulu yang telah melakukan penyelidikan terhadap Gua Gunung Senyum. Hal ini kerana, menerusi sumber daripada artikel pengkaji terdahulu mampu memberikan maklumat dengan lebih banyak dan juga terperinci berkaitan Gua Gunung Senyum. Pengkaji meneliti pelbagai artikel atau rencana untuk mengumpulkan maklumat dengan lebih banyak agar kajian ini lebih berguna untuk masa hadapan. Oleh itu, dengan penelitian menerusi artikel atau rencana daripada pengkaji terdahulu maka pengkaji dapat maklumat mengenai Gunung Senyum dengan lebih terperinci.

Seterusnya, pengkaji juga mendapatkan beberapa maklumat tambahan daripada sumber perpustakaan. Dimana sumber perpustakaan ini pengkaji mendapatkan maklumat daripada buku, majalah dan sebagainya. Gua Gunung Senyum ini dahulunya telah dikaji oleh penyelidik lain dan telah menghasilkan buku-buku untuk generasi akan datang. Oleh itu, pengkaji menggunakan sumber buku-buku tersebut untuk menambahkan maklumat dengan lebih tepat bagi kajian ini. Dengan itu, maklumat yang didapati akan lebih terperinci bagi generasi akan datang membuat rujukan mengenai Gua Gunung Senyum. Selain itu, pengkaji juga menggunakan sumber dari bahan ilmiah bagi mendapatkan lebih banyak maklumat. Sumber bahan ilmiah ini mendukung pengkaji dalam bentuk penulisan bagi menghasilkan kajian dengan lebih baik dan tepat.



Rajah 1: Peta minda kaedah kajian yang digunakan

3.4 Persampelan

Persampelan bermaksud pemilihan sesuatu kumpulan (orang, institusi, tempat atau fenomena) yang ingin dikaji oleh pengkaji (Azhar Harun & Nawi Abdullah, 2004). Persampelan adalah salah satu proses memilih sekumpulan (orang, institusi, tempat atau fenomena) yang dilakukan oleh pengkaji untuk sesuatu penyelidikan. Persampelan adalah cara bagi memperolehi maklumat dengan lebih tepat mengenai sesuatu polisi. Selain itu, tujuan persampelan dalam kajian ini adalah untuk memperolehi sampel yang menggambarkan populasi dari segi pemboleh ubah yang difokuskan oleh pengkaji. Bagi tujuan pemerhatian, pengkaji mengambil sebahagian kecil populasi dan membuat generalisasi yang diwakili oleh sampel tersebut. Oleh itu, pemilihan sampel yang baik ialah sampel yang dapat mewakili pemboleh ubah dari populasi yang disasarkan oleh pengkaji. Persampelan dipecahkan kepada dua reka bentuk iaitu populasi dari kumpulan yang lebih besar dan sampel dari populasi kumpulan yang lebih kecil atau sebahagian daripada populasi yang ingin dicerap oleh pengkaji.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih persampelan dari reka bentuk yang kedua iaitu sampel dimana pengkaji akan mengambil sebahagian kecil populasi atau penduduk yang tinggal berdekatan dengan Gua Gunung Senyum bagi mendapatkan maklumat dengan terperinci mengenai tajuk yang ingin dikaji. Pengkaji juga akan melakukan temubual dengan penduduk sekitar bagi memperoleh sebahagian maklumat yang lebih benar berkaitan Gua Gunung tersebut. Hal ini kerana, maklumat dengan menerusi temubual adalah berbeza dengan maklumat yang didapati daripada hasil kajian lepas. Keadaan ini

disebabkan oleh faktor temubual bersama penduduk memiliki pandangan yang tersendiri dan juga berbeza terhadap sejarah warisan Gua Gunung Senyum. Responden mewakili penduduk yang telah lama menetap di sekitar kawasan Gunung Senyum kerana beranggapan akan lebih banyak pengetahuan mengenai tajuk yang ingin dikaji oleh pengkaji.

3.5 Instrumen

Instrumen kajian merujuk kepada alat ukur yang mengandungi beberapa siri item yang boleh memberi gambaran penilaian dan mentafsir daripada angka-angka yang diperolehi dengan lebih bermakna (Azhar Harun & Nawawi Abdullah, 2004). Dengan erti kata lain, instrumen kajian adalah alat-alat yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi membolehkan pengumpulan data. Alat-alat pengumpulan data kebiasaannya digunakan bagi memudahkan kerja-kerja penyelidikan dijalankan.

3.5.1 Temubual

Dalam menghasilkan kajian terhadap ‘Implikasi Penyelenggaraan Kepada Pemeliharaan Gua Gunung Senyum’, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif kerana kaedah ini akan mempengaruhi terhadap pemilihan alat-alat yang digunakan dalam pengumpulan data. Oleh itu, dalam kajian kualitatif pengkaji bertindak sebagai instrumen kajian dalam kajian ini. Hal ini kerana, dalam sesuatu penyelidikan pengkaji merupakan instrumen utama yang akan bertindak

memperoleh data secara pemerhatian, temubual, sumber internet, artikel seterusnya menganalisis data. Justeru itu, pengkaji perlu mendengar sendiri fenomena yang menjadi persoalan utama dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji juga bertanggungjawab menganalisis segala yang terjadi di persekitaran semasa menjalankan pengutipan data.

Selain itu, pengkaji menggunakan alat-alat lain untuk membantu mengumpulkan data seperti panduan pemerhatian, sumber internet, perpustakaan dan artikel atau dokumen. Panduan pemerhatian digunakan agar pengkaji lebih memerhati terhadap tujuan utama yang dijalankan dalam kajian. Panduan sumber internet untuk pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih banyak dan terperinci mengenai tajuk yang ingin dikaji. Panduan perpustakaan iaitu buku-buku dan juga artikel digunakan untuk pengkaji meneliti mengenai kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji lepas supaya tidak menyimpang dengan tajuk penyelidikan. Panduan-panduan ini disusun dan digunakan berdasarkan dari tujuan penyelidikan. Pengkaji juga menggunakan borang temu bual untuk merekod hasil daripada pemerhatian dan temubual yang dijalankan. Penggunaan alat-alat bantu sangat penting bagi menjalankan kutipan data dengan lebih terperinci supaya dapat menjadi rujukan jika berlaku kekeliruan terhadap tajuk yang dikaji.

3.6 Analisis Data

Analisis data adalah merujuk kepada keupayaan dalam memperoleh data menjadi informasi sehingga data tersebut boleh difahami dan bermanfaat dalam

menjawab persoalan yang berkaitan dengan penyelidikan. Dalam erti kata lain, analisis data merupakan kegiatan yang dilakukan untuk mengubah data yang telah diperolehi menjadi informasi yang akan digunakan dalam membuat kesimpulan kajian. Analisis data ini dipengaruhi oleh kaedah yang dipilih dalam menghasilkan kajian samada kaedah kualitatif mahupun kuantitatif. Mengikut kajian yang dibuat oleh pengkaji iaitu 'Implikasi Penyelenggaraan Kepada Pemeliharaan Gua Gunung Senyum', ia lebih kepada penggunaan kaedah kualitatif. Teknik analisis data kualitatif merupakan teknik yang berpandukan kepada penelitian dari pelbagai sumber dan juga teknik pengumpulan data. Analisis data juga mempunyai beberapa teknik termasuklah naratif, tema, coding, deskriptif, kekerapan, peratusan, graf dan sebagainya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, analisis data yang telah dibuat oleh pengkaji adalah dengan menggunakan dua teknik iaitu naratif dan deskriptif. Di mana teknik naratif ini adalah suatu teknik yang mengfokuskan tentang cerita. Hal ini kerana, cerita dapat muncul sebagai catatan sejarah. Cerita ditulis dengan cara bertemu sendiri dengan pelaku menerusi temubual atau mendengar daripada orang lain mengenai sesebuah cerita. Kajian tentang cerita dilakukan dengan pelbagai disiplin keilmuan, termasuk sastera kritik, sejarah, filsafat, teori sosiologi dan ilmu pengetahuan. Dalam kajian ini, pengkaji lebih menekankan penelitian naratif dalam mengungkap sejarah warisan yang berkaitan dengan Gunung Senyum melalui temubual terhadap penduduk sekitar kawasan Gunung Senyum dan melalui pembacaan serta rujukan daripada pengkaji lepas. Melalui pengumpulan data tersebut, membolehkan pengkaji untuk menjawab

persoalan-persoalan yang dinyatakan dalam kajian. Manakala penelitian deskriptif pula merujuk kepada penelitian mengenai masalah-masalah dalam infrastruktur, kegiatan, sikap, pandangan, serta proses yang sedang berlangsung serta pengaruh dari suatu fenomena. Dalam erti kata lain, deskriptif adalah kegiatan yang mendeskripsikan tentang sesuatu gejala, peristiwa, kejadian yang terjadi saat sekarang. Berdasarkan kajian, pengkaji akan menggunakan penelitian deskriptif ini untuk mengkaji mengenai kerosakan infrastruktur yang berlaku terhadap persekitaran Gunung Senyum. Disamping itu juga, pengkaji menggunakan penelitian deskriptif untuk meneliti kesan terhadap peninggalan gunung tersebut terhadap warisan budaya masyarakat Malaysia.

3.7 Kesimpulan

Kaedah penyelidikan merupakan suatu kaedah yang penting dalam suatu kajian yang dijalankan. Selain itu, penyelidikan yang dijalankan haruslah teliti dalam pelbagai aspek. Ini bertujuan untuk mendapatkan hasil yang sempurna bagi rujukan generasi akan datang. Tambahan juga bagi memudahkan penyelidikan, panduan digunakan untuk mencapai tujuan utama dalam penyelidikan dan tidak menyimpang dari tajuk kajian. Oleh itu, setiap maklumat dan data yang diperolehi haruslah tepat dan terperinci agar hasil kajian memuaskan seperti yang diharapkan. Dengan itu, hasil kajian akan dapat dijadikan rujukan pada masa hadapan serta mengekalkan sejarah warisannya.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bab 4 ini merupakan bahagian yang merungkai dan menyatakan segala bentuk maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta tajuk yang dipilih. Bab 4 ini iaitu dapatan kajian merupakan perkara yang penting dalam setiap projek penyelidikan kerana ia menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang telah dinyatakan. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama iaitu pertama pengkaji dapat mengenalpasti kelebihan dan keunikan Gua Gunung Senyum dengan terperinci. Dalam hal ini, temubual melalui individu yang mempunyai pengetahuan yang luas ke atas kelebihan dan keunikan Gua Gunung Senyum yang dikaji dapat diketahui secara lebih terperinci. Kedua ialah pengkaji dapat mengenalpasti keadaan infrastruktur di kawasan Gua Gunung Senyum kekal terjaga. Pelbagai faktor berikutan keadaan infrastruktur yang telah mendorong pengkaji untuk merungkaikannya secara terperinci dengan melihat fasad-fasad infrastruktur yang tidak lagi kukuh untuk dikaji. Objektif ketiga dan yang terakhir bagi pengkaji pula adalah mengenalpasti implikasi penyelenggaraan yang sistematik terhadap pemeliharaan Gua Gunung Senyum. Implikasi penyelenggaraan yang sistematik ini akan mengutarakan

bagaimana cara terbaik dan berkesan terhadap pemeliharaan Gua Gunung Senyum yang kini terlihat terbiar di celah pembangunan pesat negara Malaysia.

Pengkaji telah melakukan kajian di Kampung Batu Sawar yang berada di daerah Temerloh iaitu dengan menemubual beberapa responden di sekitar lokasi kampung berkenaan dan juga individu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dalam sejarah Gua Gunung Senyum serta pihak yang penting dalam menjelaskan soal infrastruktur kawasan Gunung Senyum iaitu Pegawai Hutan Daerah Temerloh / Bera. Temubual ini sememangnya sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang diinginkan secara lancar dan efisien. Hasil daripada temubual dan perbincangan dengan beberapa pihak yang terlibat dalam projek penyelidikan ini, jelas didapati bahawa Gua Gunung Senyum ini mempunyai sejarah kewujudan yang unik dan khazanah warisan semulajadinya yang masih terlihat megah berdiri dapat menjadikannya sebagai aset warisan yang layak untuk dimartabat yang layak membolehkannya menjadi kawasan perlancongan yang ada di Pahang umumnya dan di Malaysia khususnya.

4.2 Sejarah Gunung Senyum, Temerloh, Pahang

Negeri Pahang merupakan salah satu negeri yang mempunyai sejarah yang panjang sejak zaman purba. Dengan latar belakang sejarah yang panjang ini telah menjadikan Gunung Senyum di Pahang mempunyai khazanah yang unik dan ciri khas tersendiri. Hal ini kerana negeri Pahang merupakan negeri yang terbesar disemenanjung Melayu dan Temerloh menjadi titik tengah semenanjung. Oleh itu,

wujudnya satu nama daripada sebuah peristiwa yang menarik bagi sebuah gunung iaitu Gunung Senyum di Temerloh, Pahang. Bagi pengkaji, Gunung Senyum di Temerloh, Pahang ini mempunyai keunikan tersendiri malah melambangkan sebuah warisan semulajadi yang kekal wujud sehingga kini. Walaupun zaman sedang menitis arus kemodenan, setiap jejak sejarah dan budaya tempatan seharusnya tidak boleh dibiarkan dek lapuk ditelan zaman. Oleh itu, setiap warisan dalam bentuk warisan semulajadi ini perlu dikekalkan hingga ke akhir masa agar sejarah dan asal usul Gunung Senyum tetap akan terpelihara dan menjadi rujukan bagi generasi yang akan datang.

4.3 Latar Belakang Gunung Senyum di Temerloh, Pahang



Rajah 4.1: Gunung Senyum di Temerloh, Pahang.

(Sumber: <https://foursquare.com/v/gunung-senyum/4cf0dd9994feb1f738d713ba>)

Gunung adalah sebuah bentuk tanah yang menonjol di atas wilayah sekitarnya. Gunung adalah bahagian dari permukaan bumi yang menjulang lebih tinggi dibandingkan dengan daerah sekitarnya. Sebuah gunung biasanya lebih tinggi dan curam dari sebuah bukit, tetapi ada kesamaan, dan penggunaan sering tergantung dari adat lokal. Beberapa otoritas mendefinisikan gunung dengan puncak lebih dari besaran tertentu. Misalnya, Encyclopedia Britannica membutuhkan ketinggian 2000 kaki (610 m) agar bisa didefinisikan sebagai gunung. Sebuah gunung biasanya terbentuk dari gerakan tektonik lempeng, gerakan orogenic atau gerakan epeirogenik. Pergunungan merupakan kumpulan atau barisan gunung. Selain itu, ada yang mengatakan bahawa gunung adalah suatu bentuk permukaan tanah yang letaknya jauh lebih tinggi daripada tanah-tanah di daerah sekitarnya. Gunung pada umumnya lebih besar dibandingkan dengan bukit, tetapi bukit di suatu tempat bisa jadi lebih tinggi dibandingkan dengan apa yang disebut gunung di tempat yang lain. Gunung pada umumnya memiliki lereng yang curam dan tajam atau bisa juga dikelilingi oleh puncak-puncak atau pergunungan. Pada beberapa ketinggian gunung bisa memiliki dua atau lebih iklim, jenis tumbuh-tumbuhan dan kehidupan yang berbeza. Sebenarnya tidak ada definisi umum untuk gunung. Ketinggian, volume, relief, kecuraman, jarak dan kontinuitas dapat dijadikan kriteria dalam mendefinisikan gunung. Menurut Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI), definisi gunung adalah “Bukit yang sangat besar dan tinggi (biasanya tingginya lebih dari 600 m).

Sejarah dan latar belakang Gunung Senyum pernah dicatat atau ditulis oleh beberapa penulis antaranya adalah Muhamad Asyraf bin Md Arip (Februari, 2019):

Cabaran Teroka Gua 2 Gunung, Zubir Mohd Yunus (September, 2015): Kisah Gua Gunung Senyum, Cik Adilla (September, 2012): Gunung Senyum atau Gua Senyum dan Rosilawati Rosedi (Februari, 2021): Gunung Senyum Kaya Flora, Fauna. Nama sebuah gunung yang wujud di negeri Pahang yang dikaji oleh pengkaji ialah diberi nama sebagai Gunung Senyum. Gunung Senyum ini merupakan sebuah mercu tanda bagi satu peristiwa yang berlaku pada zaman dahulu kala lagi. Nama tersebut terhasil berikutan peristiwa yang membabitkan seorang Sultan bersama pengikutnya. Beliau adalah Almarhum Sultan Ahmad yang memerintah negeri Pahang pada tahun 1863 hingga 1892. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah ialah anakanda kepada Bendahara Sri Maharaja Tun Ali ibni al-Marhum Tun Koris dengan Cik Long binti Encik Esah, juga dikenali sebagai Che Puan Lingga. Bendahara Ali adalah pemerintah Negeri Pahang bagi tahun 1806 hingga 1857. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah telah diputerakan pada 23 Mei 1836 bersamaan 5 Muharram 1252 H, di istana ayahandanya di Pulau Maulana, Pekan. Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah merupakan putera yang kelima dari sebelas saudara. Baginda telah diisytiharkan menjadi Sultan pada 16 Ogos 1882. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah telah mangkat pada 9 Mei 1914, setelah memerintah selama lebih kurang lima puluh tahun penuh daulat di atas takhta singgahsana kerajaan Negeri Pahang. Baginda mangkat dengan meninggalkan beberapa orang isteri, putera dan puteri dan telah dimakamkan di Makam Diraja di Kampung Marhum, Kuala Pahang pada 11 Mei 1914.

Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah



Rajah 4.2 Sultan Pahang Moden I

Nama Penuh	Sultan Ahmad al-Mu'azzam Shah ibni al-Marhum Bendahara Sri Maharaja Tun Ali
Agama	Islam
Ayahanda	Bendahara Sri Maharaja Tun Ali ibni al-Marhum Tun Kronis
Bonda	Cik Long binti Encik Esah (Che Puan Lingga)
Keputeraan	23 Mei 1836 Pulau Maulana, Pekan, Pahang, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Malaya British
Pemerintahan	16 Ogos 1881 – 13 April 1909

Kemangkatan	9 Mei 1914 (umur 77) Istana Pantai, Pekan Pahang
Dimakamkan	11 Mei 1914 Makam Diraja Kampung Marhum, Kuala Pahang, Pahang
Pengganti	Sultan Mahmud Shah
Raja Muda	Tengku Long Mahmud
Pasangan	<ul style="list-style-type: none"> • Cik Besar Yang Atur binti Abdullah • Cik Amah binti Jamut • Engku Besar of Terengganu • Tengku Ampuan Tun Besar • Fatima binti Tun Muhammad • Che' Ungku Pah binti Dato' Temenggong Sri Maharaja Tun Ibrahim • Encik Zubaida binti Abdullah • Cik Hajjah Fatimah binti Haji Muhammad Talib • Cik Kusuma binti Tok Minal Daeng Koro • Cik Santoma • Cik Wan Mandak Kiri • Cik Halimah

	<ul style="list-style-type: none"> • Cik Bakai • Cik Mah binti Awang Tukang • Cik Maimunah • Cik Fatimah Selati
Anakanda	<ul style="list-style-type: none"> • Tun Muda Besar • Tengku Long Mahmud • Tengku Ali • Tengku Abdullah • Tengku Sulaiman • Tengku Jusoh • Tengku Umar • Tengku Muhammad • Tengku Long • Tun Salamah • Tengku Dalam • Tengku Nong Fatimah • Tengku Hajjah Kalsum • Tengku Hajjah Mariam

Jadual 1: Salasilah Keluarga Almarhum Sultan Ahmad

Menurut Zubir Mohd Yunus (2015), berdasarkan cerita mitos daripada masyarakat dahulu beliau menjelaskan bahawa Gunung Senyum mendapat nama apabila Almarhum Sultan Ahmad ketika itu dalam perjalanan berangkat ke Kuala Krau, Temerloh, terpancang kepada sebuah gunung di tebing kanan Sungai Pahang

dan bertanya kepada pengiring baginda, nama gunung berkenaan. Pengiring baginda hanya berpandangan antara satu sama lain sambil tersenyum. Bagi mengelakkan pengiring dan pembesar Pahang berasa malu, baginda bertitah menamakan gunung berkenaan sebagai Gunung Senyum, gara-gara gelagat pegawai istananya yang asyik tersenyum. Berdasarkan kajian arkeologi, hutan lipur di sini dikatakan menyimpan sejarah kehidupan manusia Zaman Mesolitik. Terdapat banyak flora atau tumbuhan herba di Gunung Senyum yang mempunyai nilai perubatan. Bagaimanapun, masih ramai belum mengetahui kisah sebenar di sebalik kewujudan Gunung Senyum yang mempunyai lebih 18 gua batu kapur dengan pelbagai nama unik dan klasik. Dari 18 gua dalam Gua Senyum itu, hanya lapan yang popular dalam kalangan pelancong iaitu Gua Kolam Tujuh, Gua Angin, Gua Terang Bulan, Gua Taman Satu, Gua Taman Dua, Gua Gajah, Gua Makam Tok Long dan Gua Silat.

Nizam iaitu seorang pendaki yang pernah menerokai segenap pelusuk Gua Gunung Senyum ini, antara cerita mitos paling terkenal mengenai Gunung Senyum ialah kisah si pemikat burung iaitu Tok Long. Beliau merupakan seorang lelaki budiman berhati mulia yang dikatakan pernah berkahwin dengan Puteri Bunian yang mendiami gunung berkenaan. Sebelum berkahwin dengan Tok Long, Puteri Bunia perlu memenuhi tiga syarat. Syarat pertama, Puteri Bunian perlu bersiram di Gua Kolam Tujuh. Keluasannya ialah 15 m kali 30 m. Terdapat tujuh tingkat kolam (cata) yang menarik di dalam gua ini apabila setiap cata memiliki ciri-ciri tersendiri. Setiap kali musim tengkujuh, air di dalam kolam ini akan melimpah keluar melalui setiap tingkat kolam namun punca terbitnya air berkenaan masih

belum dijumpai. Hari ini kolam itu sudah pun kering. Syarat kedua pula, Puteri Bunian perlu bermandikan badannya di Gua Angin. Apabila berdiri di Gua Angin, memang dapat merasakan angin bertiup perlahan ke badan dan kawasan di sekitarnya sejuk dan nyaman. Syarat yang ketiga atau terakhir, Puteri Bunian perlu bermandikan cahaya bukan di Gua Terang Bulan. Selepas ketiga-tiga syarat itu dipenuhi barulah Puteri Bunian dibenarkan berkahwin dengan Tok Long. Selepas berkahwin, Tok Long memperoleh kelebihan apabila berupaya merawat pelbagai penyakit dalam kalangan masyarakat bunian. Selang beberapa purnama (bulan), Tok Long berasa teramat rindu dengan keluarga di kampung halannya. Lalu, beliau meminta izin dengan isterinya untuk pulang sebentar ke alam dunia. Namun, Puteri Bunia memberi syarat iaitu Tok Long perlu kembali ke alam bunian dalam masa sebulan. Akan tetapi, Tok Long terlalu gembira dengan kelebihan yang ada pada dirinya sehingga beliau terlupa janjinya dengan isteri. Disebabkan memungkir janji, akhirnya selepas lebih satu purnama, Tok Long kembali ke Gua Senyum namun Puteri Bunian sudah tiada, Tok Long setia menunggu isterinya kembali ke pangkuannya sehinggalah beliau meninggal dunia lalu dikebumikan di Gua Makam Tok Long. Disebabkan cerita mitos berkenaan, ia menjadi tarikan pelancong dari luar negara terutama Jepun untuk berkunjung dan meneroka keindahan Gunung Senyum termasuklah kunjungan daripada pelajar sekolah menengah serta penuntut universiti tempatan. Disamping itu, pengkaji juga tertarik dengan keunikan yang terdapat di Gua Taman Satu. Persekitarannya, amat bersih seolah-olah sentiasa terpelihara. Tiada sehelai daun kering atau ranting pokok berselerak di kawasan

berkenaan. Namun begitu, menurut Mohd Nizam, tiada pihak yang dipertanggungjawabkan menjaga kebersihan di Gua Taman Satu.

4.4 Ciri-Ciri Gunung Senyum, Temerloh, Pahang

Menurut Kamus Melayu, gua merujuk kepada terowong semulajadi yang terbentuk ke dalam bukit atau gunung yang disebabkan oleh hakisan air atau sebagainya. gua boleh jadi hanya beberapa meter ke dalam atau boleh menjalar sejauh beratus-ratus kilometer dan kadang-kala sehingga tembus ke pintu gua yang lain. Gua yang biasa di lihat berada di bahagian atas tanah tetapi kadang-kala terdapat gua yang menjalar sehingga di bawah tanah dan kadang-kala pula di bawah paras air menyebabkan gua tersebut berisi air. Gua yang terdapat di Malaysia adalah seperti gua-gua di Gunung Senyum, Pahang.

Negeri Pahang terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kekayaan warisan semulajadi baik sungai, tasik, laut, paya bakau, hutan simpan mahupun gunung. Ianya banyak dipengaruhi dari hasil penerokaan masyarakat yang mendiami di kawasan-kawasan wujudnya warisan semulajadi tersebut. Tanpa sesebuah komuniti yang hidup pada zaman dahulu maka tiada sesiapa yang dapat mengetahui wujudnya warisan semulajadi di dunia ini. Oleh itu, pengkaji ingin menyentuh mengenai warisan semulajadi yang terdapat pada Gunung Senyum di Pahang yang seakan-akan tidak disedari kewujudannya supaya semua orang terutama generasi kini serta rakyat negeri Pahang lebih mengetahui mengenai sejarah Gunung Senyum, Temerloh, Pahang ini. Hal ini tidak mustahil pada suatu

hari nanti warisan semulajadi yang sedia ada ini diabaikan oleh masyarakat dan lenyap selamanya kerana ketinggalan zaman.

Keunikan identiti Gunung Senyum ini dari segi struktur batu-batuan Gunung Senyum, gua-gua yang terdapat di Gunung Senyum, keindahan flora dan fauna yang hidup di sekitar kawasan Gunung Senyum dan lain-lain. Ianya turut diperkuatkan lagi dengan kisah legenda atau mitos lama yang tersimpan sejak dahulu berkaitan dengan sejarah wujudnya Gunung Senyum ini. Jika dilihat kepada kelebihan dan keunikan Gunung Senyum ini, ternyata ia tidak dapat dipisahkan dengan sejarah awal kewujudannya yang menjadikan Gunung Senyum ini sebuah tempat pelancongan pada ketika dahulu. Walaupun beberapa kemudahan infrastruktur yang dikaji oleh pengkaji sudah mengalami kerosakan dan sukar untuk mengenalpasti punca berlakunya kerosakan tersebut, namun beberapa ciri tertentu dalam kelebihan dan keunikan Gunung Senyum masih tetap dengan identitinya yang tersendiri. Di sini pengkaji membahagikan kepada tiga aspek ciri-ciri Gunung Senyum ini termasuklah kelebihan dan keunikan Gunung Senyum itu sendiri, keadaan infrastruktur di kawasan Gunung Senyum dan implikasi penyelenggaraan yang sistematik terhadap pemeliharaan Gunung Senyum yang difokuskan pada kemajuan sektor pelancongan warisan semulajadi Gunung Senyum, Temerloh, Pahang.

4.5 Kelebihan dan Keunikan Gunung Senyum

Kelebihan Gunung Senyum dapat dilihat dengan terperinci akan struktur terhasilnya sebuah gunung. Gunung Senyum, pada 1549-meter dari aras laut adalah tapak arkeologi yang penting. Ia terletak berhampiran Sungai Pahang kira-kira 68-kilometer dari bandar Temerloh dan kira-kira 15-kilometer dari Jengka 21. Gunung ini adalah sebahagian daripada Hutan Simpan Jengka yang meliputi kawasan seluas 794 hektar. Gunung Senyum terdiri daripada batu kapur dan batu dianggarkan berusia sekitar 3,000 tahun manakala kawasan tanah rendah di sebelah timur itu dibuat daripada batu lumpur dan syal dianggarkan berusia sekitar 2100 tahun. Keunikan dan keaslian Gunung Senyum telah menarik ramai pelancong dan penyelidik dari pelbagai tempat. Gunung Senyum mempunyai hutan Dipterokarp Bukit. Terdapat banyak flora atau tumbuhan herba di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan. Bagaimanapun, masih ramai tidak mengetahui kisah sebenar di sebalik kewujudan Gunung Senyum yang memiliki 25 gua dengan pelbagai nama unik dan klasik. Antara gua yang menjadi pilihan pengunjung ialah Gua Tapa, Gua Gudang Kelawar, Gua Kolam Tujuh, Gua Batu Merlap, Gua Kambing, Gua Gajah, Gua Silat, Gua Jebak Puyuh, Gua Gong dan Gua Danau Impian. Selain itu, terdapat juga Gua Mayat, Gua Rangkak, Gua Taman Satu, Gua Taman Dua, Gua Terang Bulan, Gua Sisik dan Gua Ular (rujuk rajah 4.3 dan 4.4). Gua Kolam dipercayai menjadi tempat bersiram seorang puteri bunian suatu ketika dahulu. Gua Nesan menyimpan 19 pasang batu nesan di dalamnya. Gua Merlap dikatakan pernah menjadi tempat tinggal Orang Bunian malah penduduk turut mendakwa mengenai kehadiran batu bersinar yang tergantung di dalam gua itu.



Rajah 4.3 Gua Makam Tok Long



Rajah 4.4 Gua Ular

Menurut Muhamad Asyraf Bin Md Arip (Pengkaji Lepas), berdasarkan soalan yang ditanya oleh pengkaji, beliau menjelaskan bahawa Gunung Senyum ini merupakan kawasan yang telah mendapat pengiktirafan dari Jabatan Hutan Daerah

Temerloh / Bera, Pahang sebagai Taman Rekreasi atau Taman Eko Rimba. Faktor yang menyebabkan Gunung Senyum ini diiktiraf sebagai Taman Rekreasi adalah disebabkan oleh lokasi ini menawarkan cabaran yang mengujakan terutama pelbagai jenis gua tersembunyi antara tarikan untuk ke sana. Ia dibuka sebagai kawasan rekreasi pada 14 Julai 1989. Selain itu, kawasan Gunung Senyum yang merupakan kawasan strategik untuk dijadikan sebagai pusat rekreasi bagi masyarakat juga merupakan faktor Gunung Senyum ini diiktiraf sebagai Taman Rekreasi atau Taman Eko Rimba. Hal ini kerana, kawasan ini terletak di dalam kawasan hutan yang mempunyai persekitaran harmoni dan menenangkan daripada sumber alam semulajadi. Kawasan rekreasi ini juga terletak di kawasan yang strategik dan menjadi tumpuan oleh masyarakat kerana ia jauh daripada kawasan yang padat seperti zon perumahan, zon perindustrian dan zon perniagaan. Beberapa kelebihan tersebut yang menjadikan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini sebagai destinasi tarikan pengunjung. Selain itu, pengunjung tertarik untuk datang ke Taman Rekreasi Gunung Senyum ini kerana ramai pengunjung memilih untuk melengkapkan percutian dengan meneroka gunung berkenaan dan melihat keindahan stalaktit dan stalagmite gua batu kapur serta mencari jawapan sejauh mana kebenaran cerita mitos mengenainya. Menurut yang diperkatakan oleh masyarakat, legenda paling terkenal di Gunung Senyum ialah mengenai kisah Tok Long iaitu seorang lelaki berhati mulia, Tok Long yang dikatakan pernah mengahwini gadis bunian di kawasan gunung ini. Akibat melanggar janji, Tok Long gagal menemui kembali isterinya di alam bunia menyebabkannya mengambil

keputusan bertafakur di situ sehingga meninggal dunia. Kubur di Gua Makam Tok Long dikatakan bukti kisah lama yang diperturunkan dari generasi ke generasi.

Selain daripada kelebihan yang terdapat di Taman Rekreasi Gunung Senyum ini, terdapat juga beberapa keunikan pada Gunung Senyum ini yang menjadi tarikan pengunjung untuk terus menikmati keindahan di Taman Rekreasi tersebut. Antara keunikan yang terdapat di Gunung Senyum ini adalah terdiri daripada bukti kesan-kesan sejarah kehidupan manusia zaman Mesolitik. Selain itu, terdapat 18 gua di Gunung Senyum dan 7 gua di Jebak Puyuh dan laluan dari Gua Kelawar ke Gua Kambing. Selain Gua Angin yang popular, tarikan lain yang menjadi tumpuan pencinta alam sekitar termasuk Gua Terang Bulan, Gua Taman Satu, Gua Kelawar, Gua Kambing, Gua Silat, Gua Mayat dan Gua Makam Tok Long. Kawasan Hutan Lipur ini juga menyimpan pelbagai jenis herba yang mempunyai nilai perubatan komersial. Setiap gua memiliki keistimewaan tersendiri dan kisah di sebaliknya dipaparkan pada papan tanda untuk memudahkan pengunjung. Misteri dan keunikan ini menjadi tarikan utama pengunjung yang menjejakkan kaki ke sini. Bagi penggemar aktiviti lasak, perkhemahan dan merentas denai hutan untuk menyaksikan keindahan flora dan fauna menjadi aktiviti paling popular mereka yang pernah berkunjung ke sini. Menurut Muhamad Azra Musli Bin M.Y. Mustafar Kamal (Penduduk sekitar Gua Gunung Senyum), berikutan soalan mengenai pelawat yang mengunjungi ke Gunung Senyum beliau menjelaskan bahawa ketika era kemajuan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini sebagai pusat pelancongan, sekitar dari tahun 2012 sehingga tahun 2017 merupakan saat-saat kemuncak Taman Rekreasi ini terkenal di kalangan pengunjung mahupun

masyarakat. Tahun yang ramai pelawat datang mengunjungi Gunung Senyum bermula pada tahun 2012 sehingga 2015. Antara tahun tersebut adalah tahun kemuncak Taman Rekreasi Gunung Senyum ini dibanjiri oleh pengunjung.

Menurut catatan daripada Jabatan Hutan Daerah Temerloh / Bera, Pahang, Senyum ini akan ramai pengunjung yang datang melawat pada bulan 12 iaitu pada bulan tersebut merupakan cuti persekolahan bagi pelajar atau anak-anak. Musim cuti persekolahan merupakan waktu yang strategik untuk membawa anak-anak bercuti ke kawasan-kawasan yang menarik seperti ke Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Selain itu, ramai pengunjung yang gemar mengambil peluang pada cuti hujung minggu iaitu pada hari Sabtu dan Ahad untuk mengunjungi ke Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Mereka mengambil peluang itu untuk menghilangkan kepenatan bekerja dengan meneroka ke kawasan hutan untuk melakukan aktiviti menyeronokkan. Waktu beroperasi atau waktu bukanya Taman Rekreasi Gunung Senyum ini adalah seawal jam 8am sehingga jam 5pm. Waktu kemuncak pengunjung mulai hadir sekitar jam 10am 3pm. Ada juga pengunjung yang hadir pada awal pagi untuk melakukan aktiviti seperti mendaki ke puncak Gunung Senyum dan ada juga yang meneroka ke gua-gua di Gunung Senyum ini. Kebiasaannya, pelawat yang mengunjungi ke Taman Rekreasi Gunung Senyum ini tidak mengira usia. Dari segi pelawat yang menyukai aktiviti seperti mendaki lebih kepada usia 21 sehingga 28. Dari segi pelawat yang suka menerokai keindahan gua-gua yang terdapat di Gunung Senyum ini kebiasaan dalam lingkungan usia 24 sehingga 36 tahun. Mereka ini agak kurang berani untuk mengambil risiko yang tinggi dalam mendaki ke puncak Gunung Senyum

berikutan pada faktor usia dan kudrat yang tidak kuat lagi. Manakala bangsa pula mengikut catatan yang ada lebih kepada bangsa Melayu. Hal ini kerana, orang Melayu lebih gemar meneroka ke alam semulajadi seperti di Gunung Senyum ini untuk menghabiskan masa yang terluang bagi mereka. Tidak lupa juga bangsa India dan juga bangsa Cina ada yang mengunjungi ke Taman Rekreasi Gunung Senyum ini untuk merasai sendiri pengalaman yang menarik. Tetapi dapat diperkatakan disini lebih ramai keperatusan bangsa yang kerap datang mengunjungi ke Taman Rekreasi ini adalah dari bangsa Melayu sendiri. Jikalau bertanya soal jantina, yang dapat diperkatakan adalah kaum adam iaitu lelaki yang lebih ramai mengunjungi ke Taman Rekreasi ini kerana mereka ini gemar akan aktiviti mencabar seperti meneroka ke setiap pelusuk gua-gua dan juga mendaki Gunung Senyum ini. Kaum hawa iaitu perempuan juga tidak kurang kerana ada segelintir dari mereka ini yang mengunjungi ke Taman Rekreasi ini untuk besar dimana diketuai oleh orang lelaki dan bilangan lelaki akan lebih ramai daripada bilangan perempuan.

4.6 Keadaan Infrastruktur di Kawasan Gunung Senyum

Secara umum, infrastruktur adalah struktur fasilitas dasar untuk kepentingan umum yang dibangun oleh sesebuah organisasi untuk memenuhi keperluan dasar masyarakat. Menurut Robert J. Kodoatie (2005), pengertian infrastruktur adalah suatu sistem yang menunjang sistem sosial dan ekonomi yang secara sekaligus menjadi penghubung sistem lingkungan dimana sistem ini boleh digunakan sebagai dasar dalam mengambil kebijakan. Dahulunya, Taman Rekreasi

Gunung Senyum ini merupakan sebuah kawasan pelancongan yang megah dengan kunjungan masyarakat dari pelbagai negeri mahupun negara. Berikutan dengan era kemajuan negara yang semakin pesat berkembang kini pusat pelancongan seperti Taman Rekreasi Gunung Senyum ini semakin dipinggirkan dan tidak mustahil ia dilupakan sebagai sebuah kawasan pelancongan. Oleh itu, pengkaji mengfokuskan untuk mengenalpasti penyebab Taman Rekreasi Gunung Senyum ini tidak lagi dikunjungi oleh pengunjung. Antara sebab-sebab tiada lagi pengunjung yang datang ke Taman Rekreasi ini adalah kemudahan yang dahulu disediakan untuk masyarakat kini terbiar begitu sahaja. Kemudahan yang terdapat di Taman Rekreasi ini antaranya adalah jambatan gantung, pondok berehat, kerusi batu, tangga untuk ke gua-gua dan sebagainya. Kesemua kemudahan ini kini dibiarkan usang seterusnya mengalami kerosakan tanpa ada sebarang tindakan untuk membaik pulih. Lebih menyedihkan lagi, kemudahan termasuk chalet yang diusahakan untuk pengunjung menginap di kawasan Taman Rekreasi dan tanaman-tanaman herba turut terbiar begitu sahaja.

Hasil temubual dan soalan yang dituju bersama Abdullah Bin Jamaluddin (Penduduk sekitar Gua Gunung Senyum), beliau mengatakan tiada sebarang kerja membaikpulih dijalankan terhadap kemudahan yang terdapat pada Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Tambah beliau lagi, pada tahun 2018 terdapat kerja-kerja pembersihan yang dijalankan hanya pada sesetengah chalet. Hal ini kerana, untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulih memerlukan peruntukan dari segi dana yang besar dan tenaga kerja yang ramai. Kekurangan peruntukan menjadi punca mengapa pusat rekreasi berkenaan gagal diselenggara dengan baik. Selain itu,

kekurangan dari segi mempromosikan pusat pelancongan Taman Rekreasi Gunung Senyum juga menjadi punca ia tidak dikunjungi orang ramai. Sepanjang beroperasinya Taman Rekreasi ini, pernah berlaku juga kemalangan yang membabitkan kawasan sekitar Gunung Senyum dan yang paling menyayat hati membabitkan pengunjung yang mengunjungi Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Puncak gunung ini pernah terbakar pada tahun 1983 dipercayai berpunca daripada sekumpulan pendaki yang tidak memadam unggun api tempat mereka bermalam sepenuhnya. Selain itu, sekitar lima tahun dahulu juga pernah berlaku kebakaran di puncak gunung kerana di atas puncak gunung banyak pokok yang mudah terbakar. Kejadian kedua tersebut dikatakan berpunca daripada panahan petir semasa cuaca yang kurang baik. Keindahan alam semulajadi yang terdapat di Gunung Senyum ini tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata kecuali pengunjung merasai sendiri dengan meneroka ke gunung tersebut. Bagaimanapun, di sebalik keindahan panorama Gunung Senyum sebenarnya persekitannya juga tetap ada bahaya dan risikonya dan pernah dilaporkan berlaku beberapa kes kemalangan melibatkan pengunjung. Kejadian yang meragut nyawa dua pendaki di kawasan itu dikongsi bekas Guru Besar Sekolah Kebangsaan Gunung Senyum, Ahmad Ghani, 60 tahun. Abdullah yang juga anak jati tempatan berkata, ada pendaki yang terjatuh ke dalam gaung selepas memasuki salah satu gua di situ. Menurutnya, pendaki tersebut asalnya orang tempatan namun berpindah ke daerah lain sebelum berkunjung ke Gunung Senyum bersama sekumpulan pendaki lain. Sewaktu sedang mendaki, mangsa tergelincir lalu terjatuh ke dalam gaung dan yang menyayat hati mayatnya tersangkut pada sebatang pokok di dasar gaung. Menurut Abdullah juga,

ada juga pendaki yang mengalami kecederaan terpaksa dibawa turun dengan menggunakan helikopter bomba. Kawasan Taman Rekreasi ini sememangnya cantik tetapi sekiranya tidak berhati-hati banyak perkara yang tidak diingini boleh berlaku dan akan melibatkan nyawa seseorang itu. Selain itu, terdapat juga kisah misteri yang berlaku antaranya kejadian seorang pendaki yang datang dari jauh terpaksa memulangkan kembali batu yang diambil dari salah sebuah gua kerana mengalami mimpi aneh dan ditimpa sakit. Terdapat juga kisah pendaki terpaksa bersihkan semula kesan air kencing yang dibuang semasa mendaki kerana dipercayai tempat orang bunian menetap. Sejauh mana kisah misteri ini tiada siapa yang tahu dan ianya kekal bermisteri sehingga kini.

Hasil kajian lapangan yang dijalankan ke atas Taman Rekreasi Gunung Senyum ini, pengkaji dapat melihat sendiri keadaan semasa kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan tersebut. Menurut sumber masyarakat di sekitar kawasan gunung tersebut, dahulunya segala bentuk kemudahan amatlah dalam keadaan yang baik dan cantik jika dilihat tetapi sebaliknya yang berlaku pada masa kini ianya hanyalah sebuah fasilitas yang dibiarkan usang dan mengalami kerosakan. Antara kerosakan yang berlaku terhadap kemudahan infrastruktur di kawasan Gunung Senyum adalah seperti lantai simen bermozek sebelum pengunjung memasuki ke kawasan gunung yang terlihat pecah dan berlaku pemendapan tanah yang merupakan sebab kerosakan itu boleh berlaku. Hal ini akan mendatangkan risiko yang tinggi kepada pengunjung sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan. Kerusi batu di mana tempat bersinggahnya pengunjung menghilangkan kepenatan dibiarkan kotor dan rosak begitu sahaja. Perkara ini akan

menyebabkan pengunjung tidak lagi berminat untuk terus mengunjungi Taman Rekreasi Gunung Senyum berikutan kemudahan tidak dalam keadaan baik (rujuk rajah 4.5). Selain itu, kerosakan yang berlaku ke atas pondok atau wakaf yang merupakan sebuah tempat untuk pengunjung bersantai sambil menikmati pemandangan indah Gunung Senyum kini dibiarkan roboh tanpa sebarang tindakan yang diambil untuk membaikpulih. Ini akan menyebabkan ketidaknyamanan bagi pengunjung bersantai meluangkan masa lapang mereka di Taman Rekreasi Gunung Senyum ini seterusnya melumpuhkan hasrat pengunjung untuk mengunjungi ke kawasan tersebut (rujuk rajah 4.6). Menjadi persoalannya, mengapa sehingga kini masih tiada kerja-kerja membaikpulih dijalankan bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur tersebut?



Rajah 4.5 dan 4.6: Kerosakan ke atas Kemudahan Infrastruktur.

Kemudahan infrastruktur pada mula Taman Rekreasi Gunung Senyum ini dibuka dalam keadaan yang sangat baik. Pengunjung yang mengunjungi ke

kawasan gunung ini boleh bermalam di kaki gunung yang mempunyai kemudahan asrama, chalet dan tapak perkhemahan. Ketika itu ia dikawal selia oleh Jabatan Perhutanan negeri Pahang yang mewartakan kawasan rekreasi ini sebagai Hutan Lipur Gunung Senyum. Kemudahan asrama dan chalet yang dahulunya tersergam indah kini dibiarkan usang tanpa berpenghuni (rujuk rajah 4.7). Terdapat sebuah kolam atau tasik kecil di bawah kaki Gunung Senyum yang merupakan penempatan hidupan di dalam air. Bagi pengunjung yang ingin meneroka ke gua Gunung Senyum harus menyeberangi kolam tersebut dengan menggunakan sebuah jambatan. Dahulu, jambatan tersebut kukuh dan dapat menampung pengunjung untuk menyeberangi kolam tersebut tetapi kini berikutan usia jambatan itu sendiri ianya tidak lagi selamat untuk digunakan. Jambatan tersebut mengalami kerosakan seperti beberapa tali yang putus dan beberapa kayu yang disusun di jambatan tersebut patah (rujuk rajah 4.8). Seterusnya, di Taman Rekreasi Gunung Senyum terdapat juga Rumah Tradisional Pahang. Dari situ dapat dibuktikan bahawa kawasan gunung ini merupakan kawasan penempatan masyarakat pada zaman dahulu. Rumah tradisional yang dahulunya cantik dan kaya dengan nilai warisan orang Pahang kini terbiar usang tanpa diselenggara dengan baik (rujuk rajah 4.9). Warisan sebegini seharusnya dijaga oleh generasi pada masa kini kerana ianya sukar untuk dijumpai pada masa kini selain daripadanya yang penuh dengan nilai warisan nenek moyang masyarakat melayu Pahang. Pihak yang seharusnya bertanggungjawab ke atas kawasan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini seperti Jabatan Perhutanan Pahang perlu lebih memikirkan akal hal ini daripada terus berlanjutan tanpa ada sebarang tindakan.



Rajah 4.7: Kemudahan Asrama dan Chalet.



Rajah 4.8: Kemudahan Jambatan Gantung.



Rajah 4.9: Rumah Tradisional Pahang.

4.7 Implikasi Penyelenggaraan yang Sistematis Terhadap Pemeliharaan Gunung Senyum

Warisan adalah berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang dan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi yang terdahulu. Ianya menggambarkan memori kepada keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa yang melambangkan ketamadunannya. Warisan semulajadi penting kerana nilai khazanah yang unik menjadi bukti kepada sesuatu era dan peristiwa sejarah. Walaupun pemeliharaan warisan semulajadi di Malaysia masih dalam peringkat awal, adalah penting bagi usaha-usaha pemeliharaan diberi keutamaan sebelum warisan dan khazanah negara lenyap dibawa arus pembangunan moden. Menyedari akan hal ini, pengkaji cuba mengkupas mengenai kepentingan warisan semulajadi termasuklah dalam kajian Gunung Senyum, Temerloh, Pahang ini dipelihara kepada masyarakat dan negara. Pelbagai langkah dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil daripada semua pihak untuk mengatasi daripada kemusnahan. Antaranya tindakan tersebut termasuklah di dalam aspek-aspek seperti penglibatan masyarakat, pemahaman kemudahan infrastruktur, kerjasama erat agensi kerajaan dan NGO dan peranan media massa.

Penglibatan masyarakat dilihat sebagai satu pendekatan dari bawah ke atas (*bottom-up approach*) dalam usaha pemeliharaan dan perlindungan warisan. Pendekatan ini bermaksud satu bentuk penglibatan yang menyeluruh iaitu setiap lapisan masyarakat samada dari aspek pengagihan peranan kepada pentadbir untuk membuat keputusan dasar. Taman Rekreasi Gunung Senyum ini yang kaya dengan keunikan batuan, flora dan fauna serta nilai sejarahnya sendiri amat bernilai

kepada masyarakat setempat dalam pelbagai aliran seperti sejarah, agama dan perlancongan. Hal ini bermaksud, kepentingan masyarakat seharusnya menjadi keutamaan dalam usaha pemeliharaan kawasan warisan berkenaan. Menurut Paul Box (1999), galakkan penyertaan oleh orang awam atau komuniti dalam pemeliharaan sesuatu sumber atau aset warisan ini sudah pasti menampakkan akan keuntungan pada masa akan datang. Oleh itu, penglibatan pemeliharaan kawasan infrastruktur Gunung Senyum oleh penduduk setempat amatlah digalakkan dan menjadi tanggungjawab bersama tanpa membiarkan salah satu warisan sejarah di negeri Pahang ini dimonopoli oleh pihak yang lain yang mempunyai agenda tersendiri untuk mendapat keuntungan secara peribadi semata-mata. Bagi pengkaji, kesedaran yang tinggi oleh masyarakat tentang menghargai tinggalan sejarah adalah pemangkin dalam usaha pemeliharaan warisan semulajadi.

Seterusnya, pemahaman kemudahan infrastruktur berkaitan dengan warisan semulajadi termasuklah Taman Rekreasi Gunung Senyum haruslah ditingkatkan agar dapat pihak pemaju memahami dengan jelas mengenai potensi warisan dalam menjana pelbagai keuntungan. Hal ini kerana, pada pandangan pengkaji, taman rekreasi yang unik berkenaan mampu dijadikan kawasan yang mampu memenuhi aktiviti sosioekonomi dan permintaan pengunjung semasa. Kekurangan peruntukan atau dana merupakan antara masalah yang terpaksa dihadapi dalam proses membaikpulih dan memelihara kemudahan infrastruktur. Ini adalah disebabkan oleh kerana proses membaikpulih sesebuah infrastruktur hanya dapat dijalankan sekiranya peruntukan cukup dan mendapat kebenaran daripada pemaju. Dengan adanya pemahaman yang mendalam dalam pengetahuan infrastruktur, maka aset

kemudahan ini dapat dilindungi oleh pihak berkepentingan seperti pemaju dan masyarakat dalam kerja memelihara dan melindungi warisan semulajadi mengikut prinsip perlindungan sebenar. Pemahaman kemudahan infrastruktur ini jelas merupakan antara alternatif yang tepat untuk menggerakkan usaha pemeliharaan terhadap infrastruktur kawasan Taman Rekreasi Gunung Senyum.

Kerjasama yang era tantara agesi kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan seperti Jabatan Perhutanan Pahang dan NGO harus berganding bahu dalam mengatasi isu berkaitan pemeliharaan dan perlindungan Taman Rekreasi Gunung Senyum. Pendedahan dalam perundangan dan dasar haruslah diterapkan dalam bidang pendidikan agar memberi pengetahuan kepada masyarakat. Peruntukan Undang-undang seperti yang sedia maklum, terdapat pelbagai peruntukan undang-undang yang memadai di dalam aspek perancangan, penguatkuasaan dan pelaksanaan projek pemeliharaan dan alam sekitar, pentadbiran dan struktur kewangan yang kukuh, mempunyai proses penyertaan orang awam, mempunyai suatu budaya berpengetahuan dan keupayaan untuk menyesuaikan kepada keadaan yang sentiasa berubah. Manakala, pihak NGO harus berperanan menjalankan pelbagai usaha seperti menjana peruntukan atau dana sebagai satu langkah dalam usaha pemeliharaan kemudahan infrastruktur Taman Rekreasi Gunung Senyum itu. Selain itu, kempen turut dilakukan sebagai satu langkah dalam memperkenalkan gunung yang penuh dengan sejarah berkenaan sebagai pendedahan akan kewujudannya agar ia tidak dilupakan oleh masyarakat. Pada masa yang sama, peranan masyarakat setempat yang tinggal berdekatan dengan Taman Rekreasi Gunung Senyum amatlah ditagih dalam mengambil memantau seterusnya

mengambil tindakan yang serius ke atas sebarang bentuk gejala vandalisme dan pemusnahan yang dilakukan tanpa sebarang kebenaran daripada pihak berwajib.

Akhir sekali, media massa dan media sosial memainkan peranan penting sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat serta memberikan kesedaran kepada masyarakat. Media massa dan media sosial dianggap mempunyai kuasa dan pengaruh yang besar terhadap individu dan institusi masyarakat. Pengkaji percaya bahawa mesej komunikasi yang disampaikan oleh media massa dan media sosial bukan sekadar memberikan maklumat kepada orang ramai malah dapat mengubah pendapat dan pengaruh mereka. Walau bagaimanapun, sesuatu individu haruslah memastikan setiap isu yang ingin diketengahkan adalah daripada sumber yang sahih. Ini kerana, setiap isu yang dipaparkan di media sosial membawa pengaruh yang besar dan mudah tersebar dengan cepat dan boleh membawa kepada pelbagai impak yang berupa cadangan, bantuan, idea mahupun kritikan negatif. Dalam usaha untuk memulihara dan memelihara infrastruktur untuk mengekalkan Taman Rekreasi Gunung Senyum sebagai khazanah warisan, sesuatu inisiatif perlu dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti nilai sejarah fungsi serta sokongan daripada pelbagai pihak yang berkaitan. Kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dalam masyarakat Malaysia tidak kira bangsa dan agama. Justeru itu, usaha pemeliharaan warisan negara perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dengan mengambil kira isu-isu yang telah dibangkitkan. Ekoran daripada isu yang telah diketengahkan dalam media massa dan media sosial ini, timbulnya berbagai

perbahasan dan perbincangan oleh segenap lapisan masyarakat yang terdiri daripada berbagai bidang dan kepakaran seterusnya membawa kepada penyelesaian bagi sesetengah isu tersebut. Sesetengah isu yang hangat dibincangkan di media sosial ini mendapat perhatian daripada kerajaan serta NGO yang kemudiannya berusaha merangka pelan tindakan segera bagi menyelesaikan sesuatu isu pemeliharaan dan pemuliharaan kemudahan infrastruktur Taman Rekreasi Gunung Senyum dapat diselesaikan mengikut garis panduan Jabatan Warisan Negara secara tersusun.

4.8 Faktor Kemudahan Infrastruktur Tiada Penyelenggaraan

Dalam menghuraikan dan menganalisis objektif kajian, kaedah temubual telah dilakukan kepada beberapa orang responden. Kesemua responden mempunyai latar belakang yang berbeza-beza supaya maklumbalas yang diberikan adalah berdasarkan daripada pemikiran yang berbeza. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa maklumbalas yang diperolehi adalah secara menyeluruh dan tidak terhad kepada satu kategori responden sahaja. Setelah dianalisis setiap jawapan daripada responden, pengkaji telah membuat rumusan yang terbahagi kepada dua kategori iaitu tiada dana yang mencukupi dan tiada pengurusan yang sistematik.

Bagi kategori yang pertama, antara punca yang memungkinkan responden memberikan jawapan tiada dana yang mencukupi kerana tiada sambutan dan pihak yang seharusnya menguruskan kawasan rekreasi tersebut tidak tertarik untuk meneruskan penyelenggaraan terhadap kawasan tersebut. Hal ini dapat dilihat berikutan beberapa infrastruktur yang terdapat di kawasan rekreasi tersebut

mengalami kerosakan yang agak teruk dan sehingga kini masih tiada sebarang penyelenggaraan yang dijalankan. Oleh itu, diharapkan kerjasama antara semua pihak dapat memberi kerjasama yang baik bagi mendapatkan dana yang mencukupi dalam usaha pemuliharaan kemudahan infrastruktur kawasan rekreasi tersebut.

Kategori jawapan yang kedua iaitu tiada pengurusan yang sistematik yang diberikan oleh responden kerana disebabkan oleh tiada minat dalam menguruskan kawasan yang kini kurang mendapat sambutan daripada pengunjung. Pengunjung semakin berkurang mengunjungi ke kawasan rekreasi ini berikutan kemudahan infrastruktur yang dalam keadaan tidak memuaskan. Hal ini menyebabkan pengurusan yang seharusnya bertanggungjawab lepas tangan terhadap keadaan kawasan rekreasi yang semakin merosot berikutan era kemodenan yang semakin maju. Oleh itu, diharapkan pihak pengurusan mengambil tindakan yang wajar dan sistematik bagi membangunkan kembali taman rekreasi ini semakin maju ke peringkat persada antarabangsa.

4.9 Penutup

Warisan semulajadi Gunung Senyum ini sememangnya tekah menjadi simbol kepada bukti keunikan gunungnya sejak zaman Mesolitik. Justeru, ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya dalam memastikan warisan semulajadi ini untuk dipelihara dan dilindungi. Hal ini demikian kerana, agar generasi yang akan datang dapat mengenali dan memahami akan gunung ini yang dilihat terbiar berada di pertengahan hutan. Selain itu, bagi pengkaji, gunung yang sebegitu indah tersebut

haruslah dikekalkan warisannya dan dipertahankan kewujudannya kerana ia memiliki nilai sejarah yang amat bernilai. Dalam hal ini juga, untuk memartabatkan nilai warisan semulajadi tersebut yang masih wujud di bandar Temerloh, Pahang. Ini juga bertujuan untuk menjadikan ia sebagai satu bentuk aset yang terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang. ii



BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan memberikan gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang dilakukan dan membuat rumusan mengenai dapatan hasil ketiga-tiga analisis kajian. Dalam hal ini, perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Selain itu, pada bahagian ini juga, pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang relevan bagi memudahkan penyelidik di masa hadapan untuk merangka perancangan untuk melakukan kajian terhadap Taman Rekreasi Gunung Senyum ini pada masa akan datang. Sememangnya projek penyelidikan ini mampu sedikit sebanyak dalam membantu mereka dalam mencapai maklumat yang diinginkan kelak. Dalam memartabatkan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini, sejujurnya memerlukan usaha yang mapan oleh semua pihak di mana selari dengan misi dan matlamat pengkaji agar tidak bertentangan atau berlawanan demi mengaut keuntungan komersial semata-mata.

5.2 Perbincangan Dalam Dapatan Kajian

Bahagian ini menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk

kajian pengkaji tentang Kajian Mengenai Implikasi Penyelenggaraan Kepada Pemeliharaan Gua Gunung Senyum, Temerloh, Pahang. Perbincangan mengenai dapatan kajian dilakukan berdasarkan pada penganalisan data ketiga-tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini. Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi secara lebih terperinci terhadap nilai sejarah warisan Gunung Senyum ini. Dari segi kelebihan dan keunikan yang terdapat di Gunung Senyum ini menjadikan ia sebuah kawasan tumpuan pengunjung menikmati keindahannya. Mana tidaknya, gunung ini memiliki struktur batu kapur yang unik, gua-gua yang menarik dan flora dan fauna yang memenuhi keindahan Gunung Senyum ini. Dengan berbekalkan kisah legenda dan mitos seperti kisah Tok Long berkahwin dengan Puteri Bunian dan memungkiri janjinya sendiri sehingga beliau meninggal dunia menjadi sebuah mercu ketertarikan pengunjung untuk mengunjungi ke Gunung Senyum ini. Hasil analisis mendapati sehingga kini kisah dan sejarah wujudnya Gunung Senyum ini menjadi bualan dan sumber tarikan pengunjung ke Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Seterusnya dari segi pemerhatian pengkaji kepada Taman Rekreasi Gunung Senyum ini, pengkaji dapat mengetahui tentang keberadaan lokasinya yang agak terpinggir dari arus pembangunan bandar Temerloh, Pahang. Hal ini dapat dilihat apabila kawasan taman rekreasi ini agak jauh ke dalam kawasan hutan yang menyukarkan masyarakat untuk mengetahui lokasinya. Tanpa kita sedari, disebalik sejarah pemerintahan Sultan Pahang, Gunung Senyum ini menjadi saksi kepada peristiwa perjalanan baginda di Sungai Pahang sehingga wujudnya nama bagi sebuah gunung

iaitu Gunung Senyum dan oleh itu seharusnya ia dipertahankan untuk generasi masa hadapan.

Dari segi pemerhatian terhadap analisis bagi mencapai objektif kedua, Gunung Senyum ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri bukan sahaja dari segi sejarah kewujudannya tetapi juga terhadap kemudahan infrastruktur taman rekreasi itu sendiri. Dalam hal ini kemudahan infrastruktur telah berjaya dikenalpasti dari segi keadaan semasa taman rekreasi itu dibuka sehingga ke masa kini. Semasa pembukaan gunung tersebut sebagai sebuah Taman Rekreasi, kemudahan infrastruktur dalam keadaan yang sangat baik dan dapat digunakan oleh pengunjung. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara kemudahan infrastruktur yang terdapat di taman rekreasi tersebut adalah seperti kemudahan asrama, chalet, tapak perkemahan, jambatan gantung, kerusi batu, wakaf dan sebagainya. Namun sebaliknya yang berlaku pada masa kini kemudahan infrastruktur tersebut terbiar usang dan mengalami kerosakan yang serius. Oleh itu, analisis untuk menentukan keadaan kemudahan infrastruktur sememangnya memberi cabaran kepada pengkaji disebabkan oleh keadaan infrastruktur itu yang telah mengalami kerosakan yang serius malahan sangat mendukacitakan sekali adalah ianya dibiarkan begitu sahaja tanpa ada sebarang tindakan membaikpulih. Oleh itu, langkah yang positif diambil oleh pengkaji untuk memastikan membaikpulih kemudahan infrastruktur di taman rekreasi itu mendapat sambutan dari pelbagai pihak.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji bagi mencapai objektif kajian ketiga, sewajarnya usaha-usaha pemeliharaan dilakukan bagi memajukan kembali kawasan pelancongan ini ke persada antarabangsa. Umum mengetahui, Gunung Senyum ini

merupakan warisan semulajadi yang pada suatu ketika dahulu dikatakan sangat berpengaruh terhadap masyarakat negeri Pahang. Tambahan pula, lokasi Taman Rekreasi Gunung Senyum yang berada di dalam kawasan Hutan Simpan Jengka mampu tergolong di dalam kelompok imej dan identiti warisan semulajadi sebaris Taman Negara Pahang, Tasik Chini, Pekan dan lain-lain lagi. Oleh itu, pengkaji menggariskan beberapa kaedah pemeliharaan yang dikenalpasti sangat relevan dengan keberadaan Taman Rekreasi Gunung Senyum pada masa sekarang. Resolusi ini melibatkan setiap pihak termasuk masyarakat setempat, pihak badan kerajaan mahupun bukan kerajaan (NGO) dan media massa. Pihak badan kerajaan sebagai pihak yang utama dalam memberi sepenuhnya kerjasama dalam tindakan memelihara kemudahan infrastruktur di kawasan taman rekreasi berkenaan. Ini seterusnya mampu membawa kepada pembangunan ke atas ekonomi setempat dalam penerokaan bidang pelancongan berteraskan kebudayaan sejarah. Bagi pengkaji, kepentingan utama melindungi dan memelihara warisan semulajadi Gunung Senyum ini adalah disebabkan oleh kepentingannya dalam menjadi bukti kepada suatu era dan peristiwa.

5.3 Kesimpulan

Mafhumnya, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian digunakan oleh pengkaji dalam kajian Mengenai Implikasi Penyelenggaraan Kepada Pemeliharaan Gua Gunung Senyum, Temerloh, Pahang adalah sangat berhasil dan berkesan. Melalui temubual informan atau responden, kaedah ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat khususnya

pada analisi objektif pertama dan kedua. Pengkaji lepas sebagai responden (A) yang ditemubual pengkaji sangat memainkan peranan yang penting untuk memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat bagi pengkaji membuat kajian lapangan gunung berkenaan. Manakala dari segi pemerhatian pula, dapatan kajian yang diperolehi sangat membantu dalam mengenalpasti keadaan infrastruktur di kawasan taman rekreasi tersebut. Hal ini dibantu oleh kaedah rakaman foto dan catatan nota di lapangan.

Dalam pada itu, dapat dirumuskan dalam analisis yang dilakukan di dalam Bab 4 mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhan masih ada kekurangan dari segi membaikpulih kemudahan infrastruktur Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Malahan maklumat mengenai gunung berkenaan adalah terbatas setelah pengkaji meneliti kaedah data skunder melalui internet, jurnal dan lain-lain lagi. Namun begitu, terdapat satu kajian lepas yang dirujuk pengkaji bagi menampung kekurangan maklumat yang ingin direkodkan. Keadaan ini menjadikan pengkaji ingin bersungguh-sungguh mempertahankan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini melalui analisis warisan semulajadi di mana pengkaji ingin memberitahu bahawa gunung berkenaan mempunyai nilai warisan dan bersejarah yang harus dipelihara. Justeru beberapa langkah pemeliharaan telah siap siaga dinyatakan supaya nasib keadaan gunung berkenaan mendapat keputusan yang baik pada akhirnya.

5.4 Cadangan

Taman Rekreasi Gunung Senyum merupakan salah satu aset warisan yang

harus diselamatkan agar menjadi produk perlancongan yang bersejarah yang perlu diketahui oleh orang ramai sama ada dari dalam mahupun luar negara. Segala jenis kerosakan harus dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar infrastruktur di kawasan taman rekreasi berkenaan tetap terjaga dan terpelihara. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini dikenalpasti untuk penyelidikan di masa hadapan. Antaranya adalah:

I. Menjadi Bukti Sejarah dan Kebudayaan di Pahang

Pengkaji berharap agar Taman Rekreasi Gunung Senyum ini menjadi salah satu ikon tempat yang bersejarah dari segi khazanah warisan, kisah dan keindahannya agar dapat menjadi bukti sejarah dan kebudayaan yang kekal di samping menjadi bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji lain serta masyarakat tempatan. Warisan semualajadi terutamanya yang tidak terpelihara dan terpulihara kewujudannya lazimnya akan pupus tanpa disedari dan ianya merupakan satu perkara yang amat merugikan sesuatu bangsa dan negara.

II. Merekomendasi Keberadaan Taman Rekreasi Gunung Senyum

Usaha mempromosi atau memartabatkan gunung yang dikaji ini perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa secara konsisten bagi memperkenalkan ia di mata penduduk tempatan lebih-lebih lagi kepada Pihak Badan Kerajaan. Hal ini kerana, bagi pengkaji cadangan ini perlulah diperhalusi oleh pengkaji di masa hadapan melalui pembentangan kertas kerja dan perbincangan dengan pihak

berkuasa tempatan negeri seperti Pihak Kerajaan Negeri Pahang melalui badan-badan utamanya seperti Jabatan Hutan Daerah Temerloh / Bera, Pahang dan agensi-agensinya swasta.

III. Pengdokumentasian Penuh Taman Rekreasi Gunung Senyum

Cadangan penting yang harus diperanankan oleh pengkaji masa hadapan adalah melalui pengdokumentasian secara keseluruhan berkenaan Taman Rekreasi Gunung Senyum ini. Jika dilihat dalam penulisan mengenai gunung ini, terdapat beberapa penulis membuat penulisan berkenaan kerosakan infrastruktur di kawasan gunung berkenaan. Oleh itu, ia menjadi rujukan utama oleh pengkaji masa kini khususnya dalam mengenalpasti keadaan infrastruktur di mana telah direkod di dalam penulisan tersebut. Justeru itu, pengkaji lepas mengambil manfaat ini dalam menghasilkan keterangan atau bukti secara lebih terperinci daripada Taman Rekreasi Gunung Senyum agar nilai warisan dan sejarahnya terus dimartabatkan.


5.5 Penutup

Kesimpulannya, gunung merupakan satu warisan semulajadi yang diibaratkan sebagai permata yang amat bernilai. Begitu rugi kepada sejarah peradaban Melayu sekiranya warisan semulajadi ini dibiarkan begitu sahaja. Dengan adanya kajian ini, diharapkan banyak pihak yang mempunyai kuasa untuk mempertahankan warisan ini. Usaha yang lebih agresif daripada pihak berwajib perlu dilakukan dengan segera memandangkan kini tiada sebarang tindakan yang dijalankan. Diharapkan


juga warisan semulajadi ini mampu menjadi aset pelancongan yang maju di peringkat persada antarabangsa.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

Rujukan

Yuszaidy Mohd Yusof, Y. M., Hanapi Dollah, H. D., & Ab Samad Kechot, A. S. (2011). *Akta WARISAN KEBANGSAAN, 2005: Tinjauan SEPINTAS LALU* national heritage act, 2005: A review | Mohd YUSOFF | Jurnal Melayu. UKM e-Journal System. <https://ejournal.ukm.my/jimelayu/article/view/5027>

Mohammad Zaki Ahmad, M. Z., & Johan Afendi Ibrahim, J. A. (n.d.). *Kelestarian Pelancongan Melalui Pengurusan Sumberjaya Semulajadi (Alam Sekitar): Satu Perspektif Umum*. Welcome to Universiti Utara Malaysia Institutional Repository [UUM Repository] - UUM Repository. <https://repo.uum.edu.my/7127/1/m.z.a.pdf>

Asrul Nasid Masrom, M. D., & Zulhaida Abdul Kadir. (2020). *View of Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Istana lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan*. Penerbit UTHM. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/557/253>

Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Marina Ibrahim Mukhtar, Halizah Awang, Farah Diyana Abu Bakar, & Tun Ili Ayuni Ahma Hariri. (2019, September 1). *View of PEMELIHARAAN Dan PEMULIHARAAN BUDAYA KOMUNITI orang ASLI MELALUI PELANCONGAN LESTARI*. Open Journal Systems. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/6838/2780>

Unknown. (2016, November 11). Definisi Alam Semula Jadi. *ALAM SEKITAR DUNIA*. <https://alamsekitarsehijaualamku.blogspot.com/2016/11/definisi-alam-semula-jadi.html>

Mohamad Khairi Mohamad@Alwi, Norhaidi Yunus, & Che Hashim Bin Hassan. (n.d.). *Pelancongan Dan Alam Semula Jadi: Suatu Tinjauan Terhadap Peranan Hutan Lipur Sebagai Produk Rekreasi Dan Pelancongan Berasaskan Alam Semula Jadi Di Negeri Kedah*. Welcome to Universiti Utara Malaysia Institutional Repository [UUM Repository] - UUM Repository. <https://repo.uum.edu.my/3076/1/Pelancongan dan Alam Semula Jadi01.pdf>

Zubir Mohd Yunus. (2015, September 20). *Kisah GUA Gunung Senyum*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/83155/kisah-gua-gunung-senyum>

Hamzah Zakaria, Kamal Roslan Mohamed, & Che Aziz Ali. (2004, June 4). *AAPG Datapages/Archives: Pemetaan GUA Batu Kapur Di Gunung Senyum, Temerloh, Pahang (IN MALAY), the mapping of a limestone cave at smile mountain, Temerloh, Pahang*. <https://archives.datapages.com/data/geological-society-of-malaysia/bulletins/049/049001/pdfs/43.htm>

Mashita Binti Haji Abdul Jabar, & Faizan Binti Hj Abd Jabar. (n.d.). *Produk Ekopelancian Negeri Pahang*. Welcome to UiTM Institutional Repository - UiTM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/38187/1/38187.PDF>

Rosniza Aznie Che Rose, Zainor Nizam Zainal Abidin, & Rosmizan M.Z. (n.d.). *Kesedaran komuniti terhadap pengurusan kebersihan dalam kawasan perkampungan homestay Di Daerah Temerloh (Community awareness towards the management of cleanliness in homestay village area, Temerloh) | Che rose | Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*. UKM e-Journal System. <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/23657/7423>

Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winami Samsir, & Ahmad Nazrin Aris Anuar. (2013). *Pemeriksaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan Di Negeri Pahang (Empowering the natural touristic assets for sustainable tourism in the state of Pahang)*. Authentication error - ProQuest. <https://www.proquest.com/openview/5f412aa220aeacb2ea724ac1419d909e/1?pq-origsite=gscholar&cbl=4916363>

Gunung Senyum. (2016, January 18). Portal Rasmi Majlis Perbandaran Temerloh (MPT). <https://www.mpt.gov.my/ms/pelawat/destinasi-menarik/gunung-senyum>

Adnan Jusoh. (2007, January 1). (PDF) *GUA Batu Kapur Lembah Kinta Dari perspektif arkeologi*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/308713392_Gua_batu_kapur_Lembah_Kinta_dari_perspektif_arkeologi/link/57ec5f8e08ae92a5dbd06f3f/download

Jackie Craven. (n.d.). *Infrastruktur - APA ITU Dan Mengapa ANDA Perlu Tahu*. MS.EFERRIT.COM. <https://ms.eferrit.com/kepentingan-infrastruktur/>

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang. (2016). *Sultan Pahang I*. Portal Diraja Pahang. https://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=1723

Linda, & Achlisia. (2021, September 14). *Infrastruktur*. Kamus Istilah Properti. <https://www.pinhome.id/kamus-istilah-properti/infrastruktur/>

Yasin Sulaiman Aap. (2017, November 29). *Gunung senyum Antara mitos Dan bahaya*. AKU ANAK PAHANG. <https://akuanakpahang.blogspot.com/2017/11/gunung-senyum-antara-mitos-dan-bahaya.html>

Warisan. (n.d.). https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=593:&catid=65&lang=en

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. (2016). *Taman Eko Rimba Gunung Senyum*. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. <https://www.forestry.gov.my/my/pahang/taman-eko-rimba-gunung-senyum>

Super User. (n.d.). *Rekreasi & Pelancongan*. <https://jengka21.pjk.com.my/index.php/warga-pi1m/sosio-ekonomi>

- Muhamad Asyraf Md Arip, M. A. (2019, February 1). *Cabaran teroka GUA 2 gunung*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/santai/2019/02/418424/cabaran-teroka-gua-2-gunung>
- Zubir Mohd Yunus, Z. M. (2015, September 20). *Kisah GUA Gunung Senyum*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/09/83155/kisah-gua-gunung-senyum>
- Unknown. (2012, September 4). *Gunung Senyum atau GUA Senyum*. Catatan Perjalanan. <https://catatanperjalanancikadilla.blogspot.com/2012/09/gunung-senyum-atau-gua-senyum.html>
- Tyo Pras, T. P. (n.d.). *Gunung*. Scribd. <https://www.scribd.com/document/494919479/gunung>